

HATIE GIN YANG SAYA KUDAL


HATUK AHMAD BOISTAMAM

M

S23.2595

OWA.A

DATUK ONN YANG SAYA KENAL



Oleh Datuk Ahmad Boestamam

DATOK ONN YANG SAYA KENAL.

Oleh:

Datok Ahmad Boestaman.

12281

PRAKATA

Generasi baru semestinya mengenal dan memahami identiti sejarah tanahair, dan tentunya lembar-lembar sejarah harus disingkap. Dalam konteks ini, Penerbitan Adabi membukukan sepuluh rencana bersiri Datuk Ahmad Boestamam yang telah disiarkan di dalam harian Watan 20hb. Mac — 10 April 1979, dengan tajuk yang sama, dengan harapan buku kecil ini akan memberi manfaat yang besar sebagai merangsang generasi moden untuk terus mengkaji dan bermegah dengan sejarah sendiri.

Dengan terbitan ini akan bukan sahaja untuk menambah khazanah pengetahuan, tetapi akan mendedahkan dan memberi peluang kepada pelajar-pelajar dan pembaca untuk meneliti peristiwa-peristiwa sejarah yang ditulis oleh seorang tokoh baru penulis melihat dan menghayati, di samping mencetus arus sejarah, yang berlaku dalam zamannya. Baik apapun perspektif sejarah yang diambil oleh seseorang itu dalam membuat sesuatu pengamatan sejarah, adalah satu perkara yang wajar untuk meneliti tulisan-tulisan yang ditulis oleh mereka-mereka yang benar-benar turut serta dalam pergolakannya, dan yang sedapat mungkin yang tidak menyuntik sebarang bias dalam tulisan-tulisan itu.

Ahmad Boestamam berpegang teguh kepada prinsip-prinsip penulis tulen yang secara jujur dan terbuka menulis seada-adanya mengenai tokoh politik yang berpijak di landasan politik yang bertentangan dengan beliau.

Pihak Penerbitan Adabi mengambil kesempatan mengucapkan terimakasih kepada Datuk Ahmad Boestamam dan saudara Subky Latif dari Watan yang memberi kerjasama, dan tidak ketinggalan kepada saudara Azran Rahman yang turut sama menjayakan penerbitan buku ini.

Othman Shariff

Ketua Pengarang Penerbitan Adabi.

Diterbitkan oleh
Penerbitan Adabi Sdn. Bhd.
26 Persiaran Zaaba
Taman Tun Dr. Ismail
Kuala Lumpur.

Edisi Pertama 1979
Cetakan Pertama 1979

125915

DATOK ONN YANG SAYA KENAL. AMARAN KE ATAS HAKCIP-TA. Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakam atau sebaiknya, tanpa izin terlebih dahulu dari Penerbitan Adabi Sdn. Bhd.

17 DEC 19
Perpustakaan N
Malaysia

PENDAHULUAN

DATUK Onn yang saya kenali, yang saya maksudkan dalam buku kecil ini, mempunyai dua perbezaan sekurang-kurangnya.

Pertama: Perbezaan dari apa yang dapat diberikan oleh Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri; sebagai sifatnya seorang anak dan sekaligus seorang pengikut yang setia kepada Datuk Onn.

Kedua: Perbezaan dari apa yang dapat diberikan oleh pengikut-pengikut setia Datuk Onn dari sejak Pergerakan Melayu Semenanjung hingga ke UMNO kemudian ke IMP (Partai Kemerdekaan Malaya) dan akhirnya Parti Negara yang kesemuanya dipimpinya belaka.

Saya mengenali Datuk Onn melalui dua fase, dua peringkat masa. pertama masa beliau menjadi lawan politik saya dan kedua masa beliau menjadi kawan politik saya kerana sama-sama dalam "kemah pembangkang."

Saya gunakan istilah "lawan politik" di sini dan tidaknya "musuh politik" dengan penuh kesedaran bahawa dalam politik, sepatutnya, orang hanya berlawan, bertanding, berlumba, bertenaga atas mengatasi dan seumpamanya dan tidak bermusuhan, berkerat rotan dan berpatah arang, dalam semua aspek hidup, dalam erti bermasyarakat, seperti Islam mengharamkan babi misalnya.

Demikian juga tentang istilah "kawan politik" yang saya gunakan. Saya sengaja dan dengan penuh kesedaran lagi tidak menggunakan istilah "rakan seperjuangan dalam politik" justeru kerana "kawan" adalah sekadar teman seiring jalan dan tidak sampai mencapai taraf "rakan seperjuangan" yang bererti kerabat senasib, sama meratap sama menangis, sama-sama ketawa sama-sama bergembira, di mana saja dan pabila jua.

1

Bila Jepun menyerah kalah tanpa syarat kepada pihak Berikat dalam bulan Ogos tahun 1945 untuk beberapa ketika lamanya Malaya tidak mempunyai kuasa yang memerintah. Pihak Inggeris belum lagi mendarat untuk menegakkan Pentadbiran Tenteranya. Gerila-gerila melawan Jepun bersama dengan Parti Komunisnya telah meninggalkan markas dan pusat-pusat gerakan mereka di dalam hutan, memasuki kota-kota besar dan kecil dengan sorak dan lagak pejuang yang menang lalu menubuhkan markas dan pusat-pusat gerakan mereka di kota pula.

Keadaan bersultan di mata dan beraja di hati mula terjadi. Kira-kira dua minggu lamanya. Dan selama itulah pula hukum "siapa kuat dia raja" dan "si lemah makanan si kuat" berlaku di mana-mana - di kota dan di desa. Dendam kesumat dilepaskan. Parut luka lama, yang berpunca dari sengketa peribadi pun, dirobek kembali sehingga berdarah semula.

Di Johor muncul Panglima Salleh atau Kiyai Salleh dengan barisan "parang panjang" nya, yang jadi termasyhur dalam sekelip mata saja. Amalannya paling laris penaka goreng pisang panas. Namanya jadi sebutan ramai, di bibir mulut semua orang, lelaki dan perempuan di segenap pelusuk tanahair. Di lain-lain negeri pun lahir panglima-panglima seangkatannya tetapi tak mengatasi kegemilangannya.

Kalau hendak dicari suatu contoh yang mudah untuk menjelaskan keadaan yang disebutkan di atas ini - tentang lawan dan kawan politik - maka hubungan Inggeris-Amerika dengan Russia sebelum dan dalam masa Perang Dunia Kedua yang lalu adalah yang sebaik-baiknya.

Bukankah sebelum Perang Dunia Kedua dulu Inggeris-Amerika (juara kapitalis) berlawan dengan Russia (juara kapitalis) tetapi dalam masa perang tersebut, kerana menghadapi musuh yang sama iaitu Jerman-Itali-Jepun (juara fascis dan militaris), mereka lantas menjadi kawan seiring jalan? Mereka dikenali sebagai Kuasa-kuasa Berikat melawan Kuasa-kuasa Pasak.

Bukankah pula dalam hubungan ini Inggeris yang dikenali oleh Churchill dan Amerika yang dikenali oleh Rosevelt tidak sama dengan Inggeris dan Amerika yang dikenali oleh Russia atau Stalin dan sebaliknya?

Dalam pengertian inilah rencana-rencana ini harus dibacanya. — A.B.

sorak yang bergemuruh dari para hadirin. Ini tandanya ucapan tersebut tidak pernah membosankan mereka.

Saya kepingin benar hendak mendengarkan sendiri Datuk Onn memberikan ucapannya, yang begitu disanjung dan dipuji. Tetapi malangnya kesempatan tidak ada. Pertamanya kerana Johor bukannya dekat dari Perak untuk didatangi dan keduanya saya sendiri pula sebok dengan tugas-tugas saya dalam PKMM dan harian SUARA RAKYAT yang menjadi lidah rasmi PKMM, yang saya menjadi pengarangnya.

Demikianlah keadaan terus berjalan. Datuk Onn bekerja keras menjadikan Johor pengkalan perjuangan politiknya maka saya dan kawan-kawan pula bertungkus-lumus menjadikan Perak pengkalan perjuangan politik kami pula. Masing-masing sama gagah dan sama berjaya mengikut istilah kami sendiri-sendiri.

Sebagai parti politik yang pertama lahir di Malaya sesudah Jepun bertekuk lutut kepada Kuasa-kuasa Berikut PKMM menaburkan kesaktiannya bagi mendapatkan tempatnya di hati rakyat dengan pekik perjuangannya yang terkenal - MERDEKA - maka Datuk Onn, sebaliknya pula, meresapi jiwa rakyat dan memenangi hati mereka dengan semboyan HIDUP MELAYUnya.

Kemaharajalealan yang berlaku waktu Malaya tiada mempunyai pemerintahan selama kira-kira dua minggu sebagaimana yang telah saya sebutkan di atas tadi menimbulkan ketegangan kaum dalam negeri terutama di antara orang-orang Melayu dengan orang-orang Cina yang secara tidak langsung diwakili oleh gerakan-gerakan melawan Jepun yang kini telah keluar bertapak di kota-kota.

Ketegangan kaum inilah yang dititi oleh gerakan-gerakan "parang panjang" seperti yang dipimpin oleh Panglima Salleh di Johor itu. Itulah arus ketika itu dan lumrahnya alam bahawa barang siapa yang berenang mengikut arus kelancaran renangannya cukup mudah.

Dengan pengertian yang lain kalau berenang menentang arus sama dengan menghadapi kesukaran. Dan inilah yang dipilih oleh PKMM yang saya berada di dalamnya secara aktif sebagaimana yang ternyata dalam salah satu matlamat perjuangannya yang berbunyi "melahirkan baik sangka di antara semua kaum yang ada dalam negeri ini." Akibatnya tokoh-tokoh PKMM termasuk saya sungguh-sungguh tak mempunyai masa dan waktu untuk berehat demi kejayaan parti.

Saya teringat bila pada suatu hari sampai ke pengetahuan saya bahawa pertempuran di antara orang-orang Melayu dengan orang-orang Cina di Parit, Perak, sedang menunggu masa hendak meledaknya saja saya

Dan bersama-sama semaraknya nama Panglima Salleh ini sekaligus pula semaraknya nama Datuk Onn bin Jaafar, juga dari Johor, bukan kerana amalan batinnya tetapi kerana tindak-tanduk politiknya. Tambahan lagi di antaranya dengan Panglima Salleh ada terjalin pengertian yang baik, kerjasama dan persefahaman yang mesra.

Nama Datuk Onn menaik dan semarak lagi apabila beliau tak lama kemudiannya melahirkan sebuah gerakan politik bernama Pergerakan Melayu Semenanjung yang dipimpinnya sendiri, berpusat di Johor.

Pergerakan Melayu Semenanjung lahir setelah PKMM (Parti Kebangsaan Melayu Malaya), yang saya turut menjadi penaja terpenting dan tokohnya, lahir berpusat di Ipoh, Perak. Ia terdulu sedikit lahirnya dari API (Angkatan Pemuda Insaf) pimpinan saya. Dan kelahiran API pula lama terdulu dari UMNO (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu).

UMNO dilahirkan dalam bulan Mei tahun 1946 sedang API lahir dalam bulan Februari tahun 1946 itu juga, kira-kira tiga bulan terdulunya.

Hingga itu saya belum pernah bertemu muka dengan Datuk Onn, melihat wajahnya, selain dari membaca namanya dan melihat gambarnya yang tersiar di lembaran akhbar-akhbar di tanahair. Memang berita tentangnya sering mendapat tempat dalam akhbar-akhbar bersama dengan gambarnya sekali.


Menurut akhbar-akhbar tersebut beliau sering mengadakan rapat-rapat umum politik, menyarankan pertubuhan politik yang dipimpinnya itu, menghuraikan tujuan dan matlamatnya, menyeru umat Melayu bersatu dan banyak lagi.

Datuk Onn boleh berucap berjam-jam lamanya dan ucapannya itu bersemangat sekali, demikian diberitakan. Beliau pintar sekali menaik-kan semangat para pendengar ucapannya. Dan orang ramai seperti terpaku di tempat duduk masing-masing bila mendengarkan ucapannya, enggan meninggalkannya dari mula sampai ke akhirnya.

Nama Datuk Onn, demikian diberitakan lagi, seolah-olah seperti besi berani layaknya kepada orang ramai. Bila diumumkan beliau yang akan berucap dalam suatu rapat umum yang hendak diadakan pastilah mereka akan datang beramai-ramai untuk mendengarkannya. Beribu-ribu ramainya. Sebab itulah beliau dikatakan jarang berucap di depan khalayak ramai yang jumlahnya kurang dari seribu orang.

Biasanya dan selalunya, ucapan Datuk Onn yang tidak pernah memakan masa kurang dari satu jam itu tak putus-putus mendapat tepuk

Lintasan Detik-Detik Sejarah....



Datuk Onn menjadi simbol gerakan menentang Malayan Union dan orang yang paling di hadapan.

segera berkejar ke sana bersama-sama dengan seorang tokoh Parti Komunis Perak dan berusaha keras menurunkan suhu kedua belah pihak yang sedang menaik.

Saya menyabarkan orang-orang Melayu sedang "tokoh Parti Komunis Perak tadi menyabarkan orang-orang Cina pula, dan kami membuktikan cakap-cakap kami ini dengan berjalan ke sana ke mari bergandingan bahu.

Usaha kami ini berhasil baik.

Pada suatu kali pula beberapa orang Melayu Parit yang menjual durian di bandar Ipoh, tak semena-mena, datang mengunjungi markas besar PKMM dan mengadukan kepada saya yang orang-orang Cina telah sepakat memulaukan durian-durian yang mereka jual.

"Mana saudara-saudara tahu?" saya menyoal meminta kepastian.

"Kerana mereka enggan membeli durian-durian kami sebagaimana yang biasanya setiap hari yang lalu sehingga sebutir pun tidak ada yang laku" jawab seorang dari mereka yang merupakan jurucakap atau ketua mereka seluruhnya.

"Daripada pulang dengan tiada membawa hasil jualan kami barang sesen pun lebih baik kami mengamuk terhadap mereka itu," tambah seorang lain.

"Sabar dulu" saya mendinginkan suhu mereka. "Jangan bertindak begitu gopoh. Tak ada untungnya. Baliklah semula saudara-saudara ke tempat saudara-saudara berjualan tadi dan saya berjanji akan usahakan pembelian durian-durian yang saudara-saudara jual itu secepat-cepatnya. Percayalah pada saya."

Mereka mengikut nasihat saya ini tanpa soal jawab lagi. Mereka bertolak balik ke tempat jualan mereka tadi sedang saya pula pergi ke markas Parti Komunis Perak yang kebetulan berhampiran benar dengan tempat orang-orang Melayu Parit berjualan durian itu.

Setiausaha Parti Komunis Perak ketika itu seorang perempuan muda Cina yang sudah menjadi janda kerana suaminya terkorban dalam pertempuran menentang Jepun waktu Jepun masih berkuasa dulu. Namanya *Eng Min Chin*.

Segera saya memberitahunya apa yang sebentar tadi berlaku di markas besar PKMM dan menyatakan kepadanya bahawa perkara itu adalah sesuatu yang serius, yang mesti dielakkan seboleh-bolehnya dengan apa cara juga pun. "Tambahan pula" kata saya "saya telah memberikan jaminan saya pada mereka."

Eng Min Chin bersetuju dengan pendapat yang saya luahkan ini. "Te-

tapi" dia bertanya "bagaimanakah caranya yang baik, pada fikiran saudara, hendak mengelakkannya."

"Hanya ada satu jalan yang praktikal yang nampak pada saya," saya menjawab.

"Apa dia?"

"Perintahkan orang-orang saudara pergi sekarang juga membeli semua durian yang dijual oleh orang-orang Melayu Parit itu."

Mula-mula Eng Min Chin menerima pelawaan saya melihat tempat orang-orang Melayu Parit berjualan durian itu dengan menjengahnya dari salah satu jendela pejabatnya itu yang betul-betul menghala ke sana. Setelah dia pasti dia segera memerintahkan orang-orangnya menjalankan syor saya tadi sepenuhnya.

Pada ketika itu wang pada mereka tidak menjadi soal. Mereka mempunyai banyak. Dan ini saya tahu benar. Setelah selesai tugas saya ini saya segera meminta diri pulang ke pejabat saya semula di markas besar PKMM, di jalan Brewster.

Kira-kira pukul enam petang penjual-penjual durian Melayu dari Parit yang menemui dan mengadu pada saya tadi datang semula menemui saya. Muka mereka kelihatan jernih, tidak kelam seperti di waktu perjumpaan pertama tadi. Senyuman kelihatan bermain di bibir mereka masing-masing.

"Adakah lagi aduan yang hendak disampaikan pada saya?" saya bertanya setelah bersalaman dengan setiap orang dari mereka.

"Tak ada" jawab jurucakap merangkap ketua mereka yang tadi juga. "Kami sekadar datang hendak memberitahukan yang durian kami telah habis terjual semuanya. Sebelum kami balik ke Parit kami hendak mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih pada saudara."

"Saudara-saudara puas hati semuanya?"

"Puas hati" serentak mereka menjawab.

"Baguslah. Asalkan saudara-saudara puas hati saya bergembira."

"Tetapi kami harus meminta maaf juga pada saudara," seorang lain mencelah.

"Minta maaf apa pula?"

"Kerana keghairahan kami menjual durian tadi sampai kami terlupa hendak mengasingkan sebutir dua untuk kami hadiahkan pada saudara sebagai tanda membalas budi."

"Ya, ya" yang lain mengiakan.


"Tak mengapalah. Lain kali saja boleh."

Mereka beredar pergi setelah bersalaman lagi dengan saya. Yang

Gagasan Malayan Union membakar semangat orang-orang Melayu dan membenters semangat kedaerahan. Realisasi identiti kebangsaan mula ditancap.



Demonstrasi orang-orang Melayu terhadap pembentukan Malayan Union.



2

Bila Kerajaan Penjajah Inggeris mengumumkan gagasan Malayan Unionnya PKMM mengalu-alukannya dengan alasan bahawa sebuah Negara Kesatuan adalah lebih baik dari sebuah Negara Persekutuan. PKMM menyedari bentuk negara hanya ada dua - pertama bentuk Kesatuan (Union) dan kedua bentuk Persekutuan (Federation).

Dalam negara yang berbentuk Kesatuan pemerintahannya terpusat pada satu kerajaan tunggal saja iaitu Kerajaan Pusatnya, yang mempunyai kuasa penuh dalam segala hal, bidang dan aspek. Kerajaan-kerajaan Negeri atau Wilayah yang tersendiri tidak ada dan tidak dibolehkan.

Sebaliknya negara yang berbentuk Persekutuan adalah kebalikan dari ini. Selain dari adanya Kerajaan Pusat yang berkuasa dalam soal-soal yang nasional sifatnya, seperti dasar luar negeri, pertahanan, pelajaran dan lain-lain seumpamanya maka Negara Persekutuan juga mempunyai dan membolehkan Kerajaan-kerajaan Negeri atau Wilayah yang diberikan kuasa otonom dalam hal-hal, bidang-bidang dan aspek-aspek tertentu.

Berdasarkan hakikat di atas ini PKMM beranggapan Negara Kesatuan lebih baik dari Negara Persekutuan kerana Negara Kesatuan lebih menggambarkan kebulatan, kepaduan dan keunggulan negara jika dibandingkan dengan Negara Persekutuan.

pergi berhati gembira dan yang tinggal berhati lega.

Harapan saya hendak melihat Datuk Onn dari dekat, mendengari ucapannya dan jika boleh berkenalan dengannya masih jauh panggang dari api. Kami masih tenggelam dalam kesebukan masing-masing di jarak dua tempat yang berjauhan.

Kemudian penjajah Inggeris meledakkan gagasan Malayan Unionnya dan gagasan inilah yang segera membuka jalan perkenalan saya dengan Datuk Onn seperti yang akan saya ceritakan dalam siri yang akan datang.

Kemudian pecahlah tembelang yang mendedahkan bahawa pengambilan tandatangan raja-raja bagi menyetujui gagasan Malayan Union Inggeris itu sebenarnya telah diusahakan dengan cara yang paling mengelat, dengan memperdayakan mereka.

Datuk Onn serta merta mempergunakan tembelang pecah ini untuk meningkatkan lagi kempen penentangannya sambil menjiruskan benzin, bukan air, ke atas ungun api yang sedang menyala. Lantas maraklah ungu api yang sedang menyala itu, seolah-olah ular sawa lapar yang sedang hendak menelan anak kambing yang sedang lalu di depannya.

Kemuncak dari kempen ini dengan dayautama Datuk Onn dipanggilah persidangan besar semua pertubuhan-pertubuhan Melayu di Kuala Lumpur untuk membincangkan soal menentang penubuhan Malayan Union itu, langkah-langkah bersama yang harus dijalankan bagi menghancurkannya dan menggabungkan keseluruhannya pertubuhan-pertubuhan Melayu itu ke dalam sebuah gerakan kebangsaan gabungan yang terpusat pimpinannya dan tidak lagi berasing-asing dari tersendiri-sendiri.

PKMM termasuk ke dalam senarai pertubuhan-pertubuhan yang dijemput ini. Oleh yang demikian perundingan lantas dijalankan di kalangan pucuk pimpinannya bagi memutuskan sama ada akan menerima jemputan tersebut dan seterusnya menghantarkan perwakilan mengambil bahagian dalam persidangan besar yang akan diadakan kelak.

Keputusannya PKMM akan menghantarkan perwakilannya menghadiri persidangan besar tersebut dan saya telah terpilih menjadi salah seorang anggota perwakilan yang nanti akan diketuai oleh Dr. Burhanuddin, yang DiPertua Agung PKMM.

PKMM mengariti hakikat bahawa dalam perjuangan taktik dan strategi harus ada dan tidak boleh diabaikan demi kelanjutan arah menuju cita-cita. Jika tidak maka akan berlakulah penyelewengan, paling tadah dan pengkhianatan kepada keaslian cita-cita tadi.

Taktik ialah cara belaka untuk sampai ke tempat yang dituju dan sebab itu taktik ini boleh berubah-ubah mengikut keadaan, masa, peluang dan kesempatan yang terbuka bagi mudahnya sampai ke tempat yang dituju.

Tetapi bukan demikian halnya dengan strategi. Strategi ialah tenaga atau sumber kekuatan dan penggunaannya. Tentera memerlukan para perajurit senjata, kelengkapan dan seumpamanya, sebagai tenaga dan sumber kekuatannya, dan inilah yang seharusnya digunakan. Itulah strategi angkatan bersenjata.

Bagaimanapun ditegaskan juga oleh PKMM bahawa alu-aluannya terhadap gagasan Malayan Union Inggeris itu sekadar pada prinsipnya saja. Dan ini didasarkannya pada perhitungan Malayan Union yang akan lahir nanti bukannya sebuah negara yang merdeka.

Paling tinggi ia akan bersifat pemerintahan sendiri' atau 'self - government' atau 'home-rule' saja yang nyata-nyata belum lagi mencapai hasrat dan matlamat PKMM yang mengingini kemerdekaan Malaya yang serta merta.

Dikatakan pula oleh pihak Inggeris sewaktu mengumumkan gagasan Malayan Unionnya itu bahawa Raja-raja Melayu telah memberikan restunya kepada gagasan tersebut dengan menurunkan tandatangan mereka.

Kerana PKMM, berdasarkan perhitungan apa yang dinamakan 'ruang dan waktu' atau 'time and space' merasakan tidak bijak mencari pergaduhan dengan raja-raja di waktu musuh yang paling besar dan utama dalam bentuk penjajahan Inggeris masih bercokol di Malaya maka penerimaannya pada prinsip itu, dirasakan, sebagai sikap berhati-hati yang paling wajar diambilnya.

Bukankah Malayan Union yang pemerintahan sendiri sifatnya mudah kelak ditingkatkan atau dijelmakan menjadi Negara Kesatuan Malaya yang merdeka? Itulah logik yang dikemukakan oleh PKMM dalam hujah kajian dan pertimbangannya.

Sebaliknya Datuk Onn terang-terang mengambil sikap sebaliknya. Beliau menentang gagasan Malayan Union dengan alasan-alasannya sendiri. Pertama dengan melahirkan Malayan Union dengan sendirinya hilanglah daulat dan kekuasaan Raja-raja Melayu.

Kedua dengan tertubuhnya Malayan Union Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu - Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang (NNMB) serta Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Trengganu (NNMTB) yang sekadar bernaung saja kepada Kerajaan Inggeris dengan sendirinya bertukar menjadi tanah jajahan penuh Inggeris sama dengan Negeri-negeri Selat - Singapura, Pulau Pinang dan Melaka. _

Lantas Datuk Onn pun mulalah berkempen hebat menyeru seluruh bangsa Melayu bersatu padu, bergerak sebagai ombak besar di lautan, menentang gagasan Malayan Union ciptaan penjajah Inggeris itu, dan seruannya ini sungguh-sungguh mendapat sambutan yang paling hangat dan bersemangat.

fakta dan juga bukti-bukti.

Kalau timbul sebarang keraguan para perwakilan tentang kedudukan politik tanahair ketika itu, tentang sistem pemerintahannya di bawah penjajahan dan lain-lain beliau akan tampil memberikan penjelasan. Dan memang semuanya ini diketahuinya.

Pendeknya bolehlah saya katakan bahawa dari sejak persidangan bermula lagi dia telah dianggap sebagai wira Melayu. Apatah lagi setelah persidangan sudah lama berjalan, kewiraannya semakin menaik lagi. Akibatnya persidangan itu atau setidak-tidaknya sebahagian besar para perwakilan segera jatuh di bawah pengaruhnya dan seterusnya dikuasainya.

Jadi tak heranlah kalau kemudiannya cadangan darinya supaya sebuah gabungan besar dari seluruh pertubuhan-pertubuhan Melayu yang diwakili hari itu ditubuhkan untuk menggempur dan menjatuhkan Malayan Union sehingga berjaya seratus peratus diterima dengan sebulat suara, termasuk suara dari kami yang mewakili PKMM.

○ Nama pertubuhan gabungan itu, berdasarkan syor dari Datuk Onn juga disetujui PEKEMBAR - Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu -- atau dalam Bahasa Inggerisnya United Malays National Organisation dengan kependekannya UMNO saja. ○

Dan tak heran juga bila pemilihan ketua atau yang DiPertua Agung pertubuhan gabungan baru ini dijalankan Datuk Onn telah terpilih dengan sebulat suara. +

Setakat ini kami perwakilan dari PKMM, berdasarkan taktik yang telah diputuskan, masih menyimpan kuku dan menyembunyikan taring. Kemudian sampailah ketikanya gagasan Malayan Union itu harus dibedahi. Pada ketika inilah tiap-tiap pertubuhan yang diwakili mengambil kesempatan meluahkan kemarahan masing-masing, menyeranahnya dan mengajak seluruh bangsa Melayu menentanginya dan menjatuhkannya supaya tak bangun-bangun lagi.

Setiap perwakilan yang berucap menyatakan kesalnya kepada Kerajaan Inggeris kerana telah memperdayakan Raja-raja Melayu sehingga mereka menurunkan tandatangan menyetujui Malayan Union. Tidak ada siapa pun yang tidak mengutuknya, yang tidak mengatakan bahawa jika Malayan Union lahir kuasa Raja-raja Melayu akan hapus dengan sendirinya, sifat naungan negeri-negeri Melayu akan bertukar menjadi sifat tanah jajahan dan tidak siapa pun yang mahukan negeri-negeri Melayu yang beraja seluruhnya dijajah langsung oleh Inggeris.

Setiap perwakilan yang berucap mahukan Semenanjung Tanah Me-

Yang demikian strategi ini mesti kekal dan tidak boleh berubah-ubah. Kalau diubah dengan memasukkan juga ke dalamnya pegintip-pegintip musuh, misalnya, maka pasti akan hancurlah keutuhan angkatan bersenjata itu.

Strategi PKMM tidak berubah. PKMM masih menyandarkan kekuatan kepada golongan yang miskin, rakyat jelata, sebagai para ahlinya sebagaimana mula. Yang berubah sekarang hanyalah taktiknya saja — dulu mengalu-alukan gagasan Malayan Union para prinsip tetapi sekarang menyertai barisan yang mahu menghancurkannya.

Kenapakah perubahan taktik ini? Pertama kerana pendapat umum ternyata menentang Malayan Union. Memencilkan diri darinya berarti meletakkan diri sebagai kera sumbang, terpulau dan terpisah dari masyarakat ramai.

Kedua Malayan Union kehendak Inggeris ialah Malayan Union kehendak penjajah, yang terjajah lagi sifatnya, sedang Malayan Union kehendak PKMM ialah Malayan Union kehendak rakyat, yang merdeka seratus peratus dan bukannya kemerdekaan seratus peratus ini yang menjadi matlamat perjuangan PKMM?

Dan ketiga kerana kemungkinan terbukanya peluang yang luas bagi PKMM menyarankan dan menabur bibit mahukan kemerdekaan seratus peratus dalam persidangan besar itu tentu saja ada nanti.

Persidangan besar itu berlangsung di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru. Seluruh pertubuhan Melayu di seluruh tanahair menghadirinya dan menghantarkan wakil ke dalamnya. Tidak kurang dari lima puluh buah jumlahnya - - yang besar dan yang kecil. Di sinilah buat kali yang pertamanya saya melihat dan mendengar Datuk Onn berucap dari dekat.

Memang benar beliau seorang pemidato yang baik. Dia bukan seorang pensyarah melulu yang jika keterlaluan meleret-leret boleh membuatkan para pendengarnya jadi mengantuk. Dia bukan juga seorang pembakar semangat, seorang agitator, melulu yang membuatkan darah para pendengarnya berkobar dan meluap-luap tetapi dadanya tak diisi dengan apa-apa pengetahuan baru. Sebaliknya pensyarah dan pembakar semangat keduanya berpadu dalam dirinya sebagai seorang pemidato. Dan inilah keistimewaannya.

Dia boleh memberikan pidato yang panjang tanpa membosankan para pendengarnya. Inilah yang dilakukannya sepanjang persidangan besar itu, demi ada kesempatan baginya. Apa yang dicakapnya adalah perkara-perkara yang diketahuinya belaka. Beliau memberikan fakta-

layu dikembalikan kepada status quonya dan dzulat Raja-raja Melayu kekal seperti semula, sebelum adanya gagasan Malayan Union. Belum ada perwakilan-perwakilan yang berucap setakat itu yang menyatakan tuntutanannya supaya Malaya dimerdekakan saja seratus peratus.

Kepada mereka kelahiran Malayan Union akan mematikan bangsa Melayu, melenyapkan daulat dan kekuasaan Raja-raja Melayu, dan kerana itu Malayan Union harus dijatuhkan agar bangsa Melayu hidup kembali, Raja-raja Melayu berdaulat dan berkuasa semula. Status quo inilah yang mereka hendak kembalikan dan tuntutan daripada Kerajaan Inggeris serta tak lebih dari itu.

Dari hasrat inilah lahirnya cogan HIDUP MELAYU yang kemudiannya dilaung-laungkan dengan hebatnya oleh UMNO di bawah pimpinan Datuk Onn dan kemudian diteruskan oleh Tunku Abdul Rahman Putra yang menggantikannya.

Akhirnya tibalah kepada giliran perwakilan PKMM memberikan ucapannya. Penghormatan berucap diserahkan kepada saya. Pada ketika itu dalam berpidato saya tidak sama dengan Datuk Onn yang boleh memasukan syarahan dan pembakaran semangat dalam ucapannya. Saya melulu seorang pembakar semangat, seorang agitator, maklumlah sebagai sifat saya seorang pemuda anti-penjajahan yang tak mengenal tolak ansur dengan penjajah.

Mula-mula saya langsung penjajah Inggeris kerana memperdayakan Raja-raja Melayu, menipu mereka, supaya menurunkan tandatangan *menyetujui Malayan Union*. *Saya mendapat tepukan yang bergemuruh dari para hadirin dan perwakilan.*

Kemudian saya nyatakan wajarnya Malayan Union dihancurkan bersebab dari perdayaan dan penipuan yang dilakukan oleh penjajah Inggeris itu. "PKMM akan berbaris bersama saudara-saudara menghancurkan leburkan Malayan Union itu sehingga ia menjadi abu dan debu" *saya bertempik membakar semangat mereka. Dan tepukan yang saya terima tambah bergemuruh dan lanjut lagi.*

Tetapi saya meneruskan ucapan saya apakah yang akan kita dirikan di atas abu dan debu Malayan Union itu nanti?" saya bertanya dan menjawabnya sendiri:

"Kita mesti menuntut kemerdekaan kepada penjajah Inggeris sebagai hukuman yang wajar diterimanya kerana memperdaya dan menipu Raja-raja Melayu tadi". Suara saya lantang sekali.

Sepi. Tiada tepukan yang bergemuruh lagi. Para perwakilan benar telah memberikan telinga mereka mendengarkan ucapan yang akhir

3

TINDAKAN keluar dari persidangan yang dilakukan oleh PKMM dalam persidangan besar melancarkan UMNO untuk menentang Malayan Union di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru Kuala Lumpur sebagaimana yang telah saya ceritakan tadi tidak bererti PKMM keluar terus dari UMNO, PKMM masih berada di dalamnya, masih menjadi anggota gabungannya.

Walaupun kerenggangan telah kelihatan bermula, kedudukan sekarang tak sebau semakin menyata, namun PKMM tetap bertahan di dalam UMNO demi kepentingan menentang Malayan Union yang sedang memuncak dan bakal menentukan satu di antara dua - berjaya atau kecewa, hilang atau terbilang. Meretakkan perpaduan ketika itu, PKMM merasakan, sama dengan mengkhianati perjuangan yang telah diperikrarkan bersama.

Dan sewaktu menentang Malayan Union yang memuncak inilah suatu istilah baru yang popular lahir di kalangan politik orang-orang Melayu iaitu "MENGMACMICHAELKAN" yang berti "memperdayakan" atau "menjalankan muslihat penipuan ke atas seseorang atau sesebuah negeri."

Tokoh penjajah Inggeris yang berjaya memperdayakan raja-raja Melayu sehingga mereka bersetuju menurunkan tandatangan masing-masing menerima Malayan Union bernama Sir Harold Mac Michael.

massa berdiri di belakangnya Datuk Onn terus mendada dengan kewiraannya. Tetapi PKMM tidak pula tunduk menikus. Sebaliknya menerusi lidah-lidah rasminya yang terbatas - SUARA RAKYAT, PELITA MALAYA dan SULUH MALAYA - PKMM tetap menjawab setiap kata serangan yang dihadapkan kepadanya dan menyambut setiap gayung yang ditujukan ke arahnya. "A blow for a blow", kata orang-orang Inggeris.

Perjuangan menggagalkan Malayan Union berakhir dengan sepenuh kejayaan. Syukur alhamdulillah! Sekarang terbukalah peluang bagi PKMM menjawab pertanyaan yang selama ini menyayat - menyayat kalbunya tetapi terpaksa dideritakannya saja demi perpaduan seluruh bangsa Melayu menghadapi tugas bersama mengganyang kecurangan penjajahan iaitu: hingga bilakah keadaan sekandang tak sebau di antaranya dengan UMNO akan dibiarkan berlanjutan?

Dalam PKMM mencari-cari jawapan kepada pertanyaan di atas tiba-tiba diterimanya undangan untuk menghadiri persidangan perwakilan UMNO yang akan diadakan di Dewan Bandaran Ipoh, Perak. Di antara perkara-perkara yang akan diambil keputusan dalam persidangan itu nanti termasuklah bentuk dan coraknya lambang UMNO.

Untuk ini setiap badan gabungan boleh membuat cadangan tetapi haruslah disertakan dengan lukisannya sekali bagi memudahkan para perwakilan memastikannya dan seterusnya menetapkan pilihan masing-masing.

Ditetapkan juga dalam surat undangan itu bahawa setiap badan gabungan boleh menghantarkan seberapa ramai anggota perwakilan yang disukainya tetapi dalam setiap pengundian yang diadakan kelak setiap badan gabungan hanya diberikan dua suara saja.

Dengan lain perkataan undi yang sama banyak diberikan kepada semua badan gabungan tanpa memperhitungkan besar kecilnya badan-badan gabungan tersebut.

PKMM merasakan jemputan menghadiri persidangan perwakilan UMNO ini sebagai "pucuk dicita ulam mendatang." Sekarang sudah terbukalah jalan bagi menentukan sama ada keadaan sekandang tak sebau yang menggigit-gigit hati selama ini dihuraikan untuk selamalamanya. Kesimpulannya PKMM harus menghantarkan perwakilan menghadirinya.

Pak Ishak bin Haji Mohammad, Naib Yang DiPertua Agung PKMM, dan saya telah diputuskan sebagai anggota-anggota perwakilan PKMM, dan bila kami sampai di Ipoh kelak kami dibolehkan memasukkan sau-

Maka dari namanya itu istilah MENGAMICHAELKAN lahir.

Ini sama saja halnya dengan istilah Quisling dalam bahasa Inggeris. Istilah tersebut datangnya dari nama seorang pemimpin gerakan Nazi di Norway yang bernama Vidkun Quisling.

Apabila Norway diduduki oleh tentera Jerman (Hilter) dalam perang dunia kedua duju Vidkun Quisling lantas menubuhkan kerajaan patung Jerman di Norway. Semenjak itu perkataan "Quisling" digunakan sebagai membawa pengertian seseorang yang bersedia menjadi boneka orang lain atau kerajaan lain.

Dalam masa-sekandang tak sebau ini PKMM bekerja keras memperkuatkan organisasinya, mengembangkan sayapnya ke segenap pelusuk tanahair, dengan mendapat sambutan yang hebat sekali. PKMM terus menerus melaungkan tuntutan mahukan Malaya merdeka seratus peratus, bebas lepas dari kungkungan penjajahan Inggeris.

Bukan sekadar itu saja bahkan PKMM juga menyarankan dikembalikan semula kegemilangan silam bangsa Melayu - kegemilangan dan keagungan Gugusan Pulau-pulau Melayu di zaman-zaman Majapahit, Sriwijaya dan Melaka dulu - yang merupakan matlamat perjuangannya yang telah diputuskan dan dipersetujui.

Saranan PKMM ini sering benar dipertikai oleh tokoh-tokoh UMNO, terutama Datuk Onn, walaupun PKMM masih lagi merupakan anggota gabungan UMNO. Sindiran yang paling lumrah dipergunakan dalam ciah ini ialah: MEMBUAT SEBATANG JARUM PUN TAK TAHU, HENDAK MERDEKA PULA KONON.

PKMM tidak mendiamkan diri terhadap sindiran ini sebaliknya menyerang balas bukan dengan kata-kata kesat atau cemuhan pula melainkan dengan memberikan huraian ilmu asas politik yang berbunyi bahawa syarat untuk merdeka ada TIGA.

Pertama, ada daerahnya. Kedua, ada penduduknya. Dan ketiga, ada kesediaan rakyatnya (penduduk-penduduk tadi) mendukung dan mempertahankan kemerdekaan itu.

"Tidak ada pun tersebut dalam huraian ilmu asas politik ini" demikian PKMM berhujah "bahawa membuat sebatang jarum adalah suatu syarat lagi untuk merdeka. Lainlah kalau daerah ada tetapi yang mendiami daerah itu hanya semut, cacing, unggas dan binatang semata - tidak ada manusia - maka hilanglah suatu syarat merdeka dan tidak bolehlah merdeka.

Begitupun perang mulut terus juga berjalan, tak henti-hentinya, bahkan tambah diperhebatkan lagi pula. Dengan kebanyakan media

yang mengizinkan. Perwakilan diberikan kuasa menggunakan kebijaksanaanannya menangkap 'ruang dan waktu', 'peluang dan keadaan' yang mengizinkan ini bahkan dalam persidangan yang bakal diadakan ini pun.

Sebelum pergi menghadiri persidangan pada hari yang pertamanya Pak Ishak, saudara Rahman Rahim dan saya berunding dulu tentang bagaimana cara yang sebaik-baiknya nanti usul lambang yang kami bawa akan dikemukakan.

Rahman Rahim mengusulkan supaya Pak Ishak yang mengemukakannya atas perhitungan perwakilan WATANIAH yang berpusat di Pahang, setidak-tidaknya akan memberikan sokongannya sebab Pak Ishak sendiri orang Pahang, terkenal dan berpengaruh, bukan saja di Pahang bahkan di seluruh Malaya juga. Ini saya setuju dan Pak Ishak menerimanya.

Kemudian Rahman Rahim mencadangkan lagi bahawa "sang saka merah putih" yang akan ditunjukkan sebagai contoh hendaklah dibungkus baik-baik dengan kertas supaya tidak kelihatan kepada siapa juga. Ini dimaksudkan sebagai suatu unsur menggamamkan (element of surprise) yang pasti akan memberikan kesan yang baik dari segi taktik. Ertinya bila Pak Ishak dalam ucapannya nanti sampai pada peringkat akan memberikan contoh kepada apa yang baru dicadangkannya dia boleh berkata kira-kira begini:

"Kami dari PKMM tidak ada membawa lukisan contoh lambang yang kami syorkan tetapi kami ada membawa contohnya yang sebenar, yang sudah siap dalam bentuk kain bendera" dan kemudian sambil membuka kertas bungkusan tadi dan mengeluarkan "Sang saka merah putih" yang ada di dalamnya lalu mengibar dan menayangkannya Pak Ishak pun berkata:

"Ini dia, saudara-saudara!"

Cadangan ini kami terima dengan sebulat suara. Malah Pak Ishak dan saya sama-sama memberikan pujian kepada Rahman Rahim kerana kejituan cadangannya itu.

Pengerusi persidangan ialah Datuk Onn, sebagai sifatnya ketua yang telah terpilih di persidangan besar di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur dulu.

Cadangan PKMM supaya jumlah suara undi bagi setiap badan gabungan yang tertentu sedikit anggota sedikit jumlah suara undi dan ramai anggota banyaklah jumlah suara undinya. Begini baru dikatakan adil namanya dan secocok pula dengan kehendak demokrasi yang tulin.

dara Abdul Rahman Rahim, ketua PKMM Perak, ke dalam perwakilan tersebut dengan menjadikan jumlah anggotanya bertambah dari dua orang kepada tiga orang.

PKMM bersetuju perwakilannya ini mengusulkan "sang saka merah putih" dijadikan lambang UMNO. Dan untuk ini kami tidak perlu lagi mengadakan lukisan contoh sebagaimana yang dikehendaki melainkan sudah cukup dengan membawa "sang saka merah putih" yang sebenar, yang kebetulannya pula lambang PKMM sendiri, sebagai contohnya nanti.

Kami diarahkan juga untuk membangkitkan soal undi yang sama banyak saja bagi setiap badan gabungan itu. Kami dikehendaki menyatakan bantahan PKMM ke atas ketentuan ini dan sebaliknya mengusulkan suara undi yang berimbangan mengikut jumlah anggota setiap badan gabungan.

Jumlah badan gabungan ketika itu, jika saya tak silap ingatan, adalah 50 buah. Ada di antaranya yang mempunyai ahlinya beribu-ribu orang dan ada pula yang seratus dua ratus orang saja.

Jadi PKMM merasakan sangat tidak adil jika badan gabungan yang mempunyai ahli beribu-ribu orang seperti PKMM sendiri, misalnya, diberikan dua suara undi saja sama seperti yang diberikan kepada badan gabungan yang tidak pun melebihi seratus dua ratus orang ahli seperti misalnya Persatuan Penghulu-penghulu.

Dasar pemberian suara undi yang sebaik-baiknya dan yang adil, menurut pendapat PKMM, ialah "ramai jumlah, ahli ramai jumlah suara undi yang didapatnya dan sedikit jumlah ahli sedikit pula jumlah suara undi yang didapatnya."

Cara bertindak yang terperinci menjalankan tugas-tugas yang diprinsipkan di atas ini diserahkan bulat-bulat kepada kebijaksanaan perwakilan yang telah ditetapkan tadi.

Akhirnya bila tiba kepada soal "keadaan sekandang tak sebau" yang sudah lama berjalan dan sama ada ia akan diteruskan tanpa had atau diakhiri saja secepat mungkin maka kebulatan pendapat menunjukkan bahawa JIKA PKMM MAHU MEMPERJUANGKAN IDEOLOGI DAN MATLAMAT CITA-CITANYA IA TIDAK HARUS BERADA DALAM KANDANG YANG TIDAK SEBAU DAN HARUSLAH BERGERAK BERSENDIRIAN, PERCAYA PADA TENAGANYA SENDIRI.

Tetapi bilakah ini harus dimulakan? Masanya tidak dapat ditetapkan melainkan terpulang pada "ruang dan waktu," "peluang dan keadaan"

Kami pun menyimpulkan bahawa masa mengakhiri keadaan sekan-
dang tak sebau sudahlah tiba. Lantas, dengan persetujuan Pak Ishak dan
Rahman Rahim, saya pun bangun mengumumkan penarikan diri PKMM
dari menjadi badan gabungan UMNO.

Datuk Onn, pengerusi, dan para perwakilan yang lain sungguh ter-
peranjat mendengarkan pengumuman saya ini kerana sedikit pun tidak
mereka duga akan berlaku. Mereka bercengangan sama sendiri melihat
kami berjalan keluar dari dewan persidangan sambil mengucapkan "se-
lamat tinggal." Lama mereka tertegun begitu dan lidah pun kelu untuk
berkata-kata. Kesepian dirasakan benar.

Keadaan ini masih terbayang jelas di ruangan mata saya sampai se-
karang bahkan mungkin hingga bila-bila.

Dari "kawan politik", sejak itu Datuk Onn menjelma menjadi "la-
wan politik" PKMM dan saya.

Datuk Onn sebagai pengerusi mengulas dulu dengan menyatakan tidak setujunya dengan syor PKMM itu kerana dia tidak mahu nanti ada badan gabungan yang merasakan dirinya rendah dan kurang penting dari yang lain semata-mata kerana jumlah anggotanya sedikit. Kami mahu perpaduan bangsa Melayu, pergabungan semua pertubuhan-pertubuhan Melayu yang menganggap diri sama taraf dan sama penting antara satu dengan yang lain.

Jadi tak heranlah kalau setelah itu usul PKMM tadi telah ditolak dengan suara yang terbanyak. Suara WIRA MELAYU adalah sama dengan suara Melayu keseluruhannya. Melawan suara Wira Melayu seolah-olah sama dengan menghantukkan kepada ke dinding batu kepala yang akan sakit sedang dinding batu tak apa-apa.

Dan bila ketika membahaskan soal lambang beberapa buah badan gabungan telah tampil mengemukakan usul masing-masing. Tiap-tiap satu dengan lukisan contohnya belaka. Akhirnya sampai juga giliran PKMM mengemukakan usulnya dan Pak Ishak telah mengemukakannya persis seperti yang telah dirumuskan terlebih dulu, satu pun tak berubah.

Unsur menggamamkan ternyata sangat memberi bekas terbukti dari hakikat bila saringan dilakukan maka tinggal dua usul saja yang akan dipertandingkan menerusi undian para perwakilan yang hadir. Yang pertama, jika saya tak salah, ialah usul yang dibawa oleh Pergerakan Melayu Semenanjung, pimpinan Datuk Onn sendiri, dan yang kedua ialah usul dari PKMM.

Keputusan undian benar-benar memeranjatkan kami perwakilan dari PKMM kerana ternyata di luar dugaan kami sama sekali. Usul PKMM sedang 1 terpecah dua dalam erti 1 suara diberikan kepada usul PKMM manakala yang 1 suara lagi berkeras hendak berkecuali saja. Jadi jumlah undi yang didapati oleh usul tandingan PKMM ialah 25 kali 2 sama dengan 50 dan undi yang didapati oleh usul PKMM ialah 24 kali 2 tambah 1 sama dengan 49.

Kerana undian dijalankan secara sulit; memakai kertas, jadi tidak dapat diketahuilah siapa yang mengundi usul tandingan PKMM dan siapa yang mengundi usul PKMM serta siapa pula yang berkecuali.

Dari hasil undian ini ternyatalah pada kami perwakilan PKMM beta-pa sudah meresapnya cita-cita merdeka yang diperjuangkan oleh PKMM. Semulanya kami menduga sebanyak-banyak undi yang dapat kami terima hanyalah dua saja iaitu undi perwakilan sendiri. Rupa-rupanya dua puluh empat ganda lebih satu. Dan kami sungguh berbangga.

4

KEADAAN bermula, iaitu keadaan waktu gagasan Malayan Union belum lahir dulu, kini menjelma kembali setelah Malayan Union digagalkan. PKMM tegak berdiri sendiri sekali lagi, menjadi lawan politik UMNO, pulang ke awal suasana, dengan mengakhiri kedudukan 'kawan politik yang baru dan menggantikannya dengan kedudukan 'lawan politik' yang asal.

Langkah pertama yang dijalankan oleh PKMM' sebagaimana wajarnya, ialah menguatkan dan memperkokohkan lagi barisannya sambil memikirkan dan mencari jalan yang sebaik-baiknya untuk mengatasi barisan UMNO dalam segala aspek dan bidang.

Bidasan dan selaran UMNO terhadapnya semakin menghebat dan meningkat. Tak berkulit-kulit lagi. Ini memang sudah dijangkakan sebab bila bunga kasih menjadi layu segan dan silu pun turut berlalu.

Setakat itu UMNO masih boleh membanggakan dirinya mengatasi PKMM dalam suatu hal. Kalau PKMM hanya merupakan sebatang lidi maka UMNO, sebaliknya, merupakan beberapa batang lidi yang terikat ke dalam sebatang penyapu. Manakah yang lebih kuat? tanyanya, 'sebatang lidi atau sebatang penyapu?.

Ya, bukankah PKMM hanya sebuah parti sedang dalam UMNO ada beberapa buah parti?

pendeknya PUTERA saja.

Kelahiran PUTERA ini dengan sendirinya memberikan kepada UMNO saingan yang sejajar dengannya, yang tegak sama tinggi dan duduk sama rendah dengannya dalam soal sekutu keanggotaan. Sejak itu soal PKMM sebatang kara sedang UMNO banyak sekutu mula beransur-ansur hilang saktinya.

Tak lama kemudian PKMM maju selangkah lagi meninggalkan UMNO dengan menubuhkan badan gabungan yang satu untuk badan gabungan parti-parti Melayu (PUTERA) dan badan gabungan gerakan-gerakan kiri bukan Melayu (All Malaya Council of Joint Action atau pendeknya AMCJA saja) dengan nama PUTERA-AMCJA.

Setidak-tidaknya ada dua kejayaan besar PUTERA-AMCJA ini dalam tindakan politiknya dalam masa hayatnya. Pertama: merangka sebuah perlembagaan yang progresif bagi Malaya yang berpemerintahan sendiri yang dinamakannya PERLEMBAGAAN RAKYAT dengan 10 PRINSIP RAKYATnya dan memajukannya kepada Kerajaan Penjajah Inggeris tetapi malangnya dianggap sepi saja oleh pihak Inggeris.

Kedua: melancarkan suatu tindakan hartal yang berjaya penuh meliputi seluruh Malaya sebagai memperkuat tuntutan agar perlembagaan Rakyat yang dikemukakannya diterima dan dilaksanakan oleh Inggeris dan juga sebagai menunjukkan kekuatannya kepada penjajah Inggeris.

Pada hari itu semua kaum buruh berhenti kerja dan semua kedai dan gedung perniagaan ditutup sehingga Malaya kelihatan seperti 'negeri yang dialahkan oleh geruda layaknya. Malangnya penjajah Inggeris terus mengambil sikap berkepala batu juga.

Sejak itu dan bersebab dari hal-hal yang disebutkan di atas keunggulan PUTERA-AMCJA mulai tergugat dan pengaruhnya pun mulai merosot.

Sudah timbul golongan-golongan di kalangannya yang kini telah hilang kepercayaannya pada perjuangan politik secara berpelembagaan dan mereka ini memilih jalan lain - satu-satunya jalan lain yang nampak - dan bersiap ke arah itu.

Dan pihak penjajah Inggeris pula segera menyedari hakikat bahawa ia sekarang menghadapi pilihan satu di antara dua. Pertama: merapati golongan UMNO dan bertolak ansur dengannya demi menjaga kepentingan modalnya, terutamanya atau kedua: merapati dan bertolak ansur dengan golongan kiri (PUTERA-AMCJA) yang bererti membahayakan kepentingannya dalam segala bidang terutama dalam bidang ekonomi.

Tetapi sebagai penelaah dan pengkaji ilmu dialektika PKMM tidak kekurangan bahan untuk menangkis setiap selaran dan tuduhan, setiap bidasan dan cabaran, yang dihadapakan oleh lawan-lawan politiknya.

Dalam soal PKMM tidak mungkin menandingi kekuatan UMNO kerana PKMM hanya sebuah parti dan dengan yang demikian sebatang kara saja sedang UMNO mempunyai banyak parti yang menjadi sekutunya' ini PKMM menghujah begini:

'Kekuatan tidak terletak pada jumlah yang banyak. Segenggam pasir jumlah satu-satunya jauh lebih banyak dari seketul batu sebesar genggam. Tetapi cuba lepaskan pasir yang di dalam genggam itu. Apakah jadinya? Berderai dan tertaburan, tidak segenggam lagi. Sebaliknya batu yang sebesar genggam tadi tetap satu dan sebesar genggam itu. Apakah jadinya? Berderai dan bertaburan, tidak segenggam lagi. Sebaliknya batu yang sebesar genggam tadi tetap satu dan sebesar genggam juga tidak akan berderai dan bertabur.

Balingkan segenggam pasir kepada seseorang. Benar balingan ini mengenainya tetapi penangannya tidak pun berasa apa-apa kepada orang yang dikenalnya tadi. Sebaliknya balingkanlah pula batu yang sebesar genggam itu kepada seseorang. Pasti kalau kena di dahinya maka dahinya itu akan benjol dan mungkin berdarah.

'Manakah yang lebih kuat penangannya: segenggam pasir atau seketul batu sebesar genggam? Jawablah sendiri. Penangan seketul batu sebesar genggam, walaupun jumlahnya satu saja, lebih kuat penangannya daripada segenggam pasir, walaupun jumlahnya banyak!.

Malangnya hujah PKMM ini tidak memberi kesan apa-apa. Tak diperindahkan langsung. Selaran dan tuduhan, bidasan dan cabaran tadi terus juga diulang-ulang dan semua media massa yang lebih banyak berdiri di belakang UMNO dan Datuk Onn membantunya dengan memberikan publisiti kepadanya sama ada menerusi ruangan berita mahupun menerusi ruangan lidah pengarang bahkan rencana sumbangan para penulis.

Akibatnya tenggelamlah tangis seorang anak kecil oleh hiruk pikuk dan sorak sorai orang-orang dewasa yang sedang mabuk keriang.

Lantas PKMM pun tampilah menjalankan tindakan yang wajar setelah difikirkannya masak-masak iaitu dengan menjemput beberapa buah gerakan kiri yang ada selain darinya ke dalam suatu persidangan untuk melahirkan suatu badan gabungan di antara mereka. Sambutannya cukup baik dan menggalakkan. Dari sinilah tertubuhnya sebuah badan gabungan yang dinamakan PUSAT TENAGA RAKYAT atau

Mahu tak mahu keadaan ini terpaksa diterima saja dengan penuh ketabahan hati dan kesetiaan pada cita-cita dengan perhitungan gelap tidak akan selamanya gelap. Bila gelap telah berlalu, terang pasti menjelma sebagaimana datangnya siang setelah berlalunya malam.

Gerakan-gerakan buruh yang terdapat di Malaya ketika itu, yang rata-rata dikuasai oleh orang-orang kiri atau pemimpin-pemimpin buruh yang kiri sikapnya, mulai menjadi cecal dan liat, mulai militan, tindakan mogok mulai dipergiatkan. Sedikit-sedikit mogok. Jadi berlakulah mogok di sana sini. Lepas di sana di sini terus-terusan.

Kesabaran Kerajaan Inggeris semakin lama semakin menipis. Semakin galak kaum buruh bertindak mogok semakin menipis kesabaran Kerajaan Inggeris ini. Sementara itu Parti Komunis Malaya sudah jangka ketidakmungkinan Inggeris bersikap lembut dan mahu bertolak ansur dengannya dan gerakan-gerakan kiri yang ada.

Lantas persiapan-persiapan untuk lari ke hutan atau menghutan dan melancarkan perang gerilya dari sana pun dimulakannya.

Pengintip rahsia Kerajaan Inggeris, para intelijennya, sudah menciumi hal ini dan mempastikannya. Jalan yang terbuka tinggal satu saja lagi — mengisytiharkan keadaan darurat di seluruh Malaya dan penangkapan beramai-ramai dilancarkan ke atas tokoh-tokoh gerakan kiri yang sudah sekian lama disenaraikannya.

Pengisytiharan darurat itu dilakukan pada 21 Jun 1948 dan penangkapan beramai-ramai dilancarkan pada malamnya. Ramai dari orang-orang yang ada nama dalam senarai telah terjebak tetapi ramai juga yang telah terlepas dari jebakan sama ada kerana mereka berjaya meloloskan diri ataupun telah terlebih dulu melarikan diri ke dalam hutan.

Sebenarnya saya telah terlebih dulu menduga kemungkinan Kerajaan Inggeris menjalankan tindakan-tindakan di atas, cuma masa dan ketikanya saja yang tak dapat saya tentukan dengan pasti. Di antara alasan-alasan saya membuat dugaan ini ialah:-

1. Sikap kepala batu Inggeris terhadap gerakan-gerakan kiri dijawab oleh gerakan-gerakan kiri dengan sikap militannya dalam bentuk pemogokan buruh yang menjadi-jadi dan tak berhenti-henti yang berterusan. Ini sama keadaannya seperti seutas tali benang. Kalau diregang terus akibatnya tentu saja tali itu akan putus.

2. Kerasnya ucapan-ucapan Datuk Onn terhadap gerakan-gerakan kiri di masa-masa yang akhir. Misalnya dalam salah satu ucapannya itu beliau terang-terang dan tegas memberikan amaran kepada rakyat Malaya dengan kata-kata: HUBAYA, HUBAYA, MUSUH TURUN DARI

Memilih yang pertama bererti bersedia untuk menentangi golongan yang kedua dan ada juga faedahnya sedangkan memilih yang kedua bererti bersedia untuk menentangi golongan yang pertama dan faedahnya tidak ada langsung bahkan mungkin berakhir dengan hilangnya kekuasaan di Malaya.

Kalau kita memakai kasut Inggeris tentu dengan mudah kita boleh membuat pilihan yang baik pada kita (Inggeris) iaitu memilih yang pertama dan menolak yang kedua. Dan inilah sebenarnya pilihan yang telah diambil oleh Inggeris. UMNO mendapat 'kawan' baru yang disarankan kepada dunia' sebagai lawan.

Sekarang Inggeris dan UMNO, secara tidak diisytiharkan, bersekongkolan batin 'memerangi PKMM, PUTERA-AMCJA, API dan lain-lain gerakan kiri demi kehancuran gerakan-gerakan tersebut. Korban pertama hasil dari persekongkolan ini ialah API (Angkatan Pemuda Insaf) yang saya pimpin diharamkan dalam bulan Julai tahun 1947, hampir setahun sebelum Undang-undang Darurat diisytiharkan dan Parti Komunis Malaya diharamkan.

Persekongkolan ini tambah menyata apabila penjajah Inggeris mengadakan rundingan-rundingan mencari kata sepakat atas corak pemerintahan Malaya yang baik dan dapat diterima bersama dengan gembong-gembong atau tokoh-tokoh UMNO di bawah pimpinan Datuk Onn.

Hasil dari perundingan-perundingan inilah yang mengakibatkan termeterinya Penjanjian Persekutuan Tanah Melayu pada 21 Januari 1948 dan kemudian terbentuknya Persekutuan Tanah Melayu itu pada 1 Februari 1948, kira-kira sepuluh hari berselang.

Datuk Onn, sebagai pemimpin UMNO, diberi penghormatan oleh Kerajaan Inggeris duduk dalam keahlian para pemegang teraju Persekutuan Tanah Melayu yang lahir itu yang sistemnya dinamakan 'sistem berahli atau dalam bahasa Inggerisnya 'member sistem. Datuk Onn di perserahkan tugas sebagai ahli yang bertanggungjawab dalam hal ehwal dalam negeri.

Selain dari beliau ada beberapa orang lagi tokoh UMNO yang menerima penghormatan menjadi 'ahli' pemerintahan Inggeris dalam Persekutuan Tanah Melayu.

Nama Datuk Onn kian memuncak kemasyhurannya. Laksana bintang di langit cerah. Dan kecemerlangan bintang, tidak sebagaimana sinarnya sang rambulan yang dapat menerangkan kelam malam di muka bumi hanya dapat ditonton oleh kegelapan malam PKMM dan lain-lain badan kiri tetapi tidak dapat dinikmatinya.

5

KIRA-KIRA dalam bulan Julai 1945 dulu, kalau saya tak salah ingatan, Ir. Soekarno dan Drs. Mohammad Hatta, dua orang tokoh terbesar Indonesia singgah di Taiping, Perak, dalam perjalanan mereka pulang ke Indonesia dari negeri Jepun untuk menemui Ibrahim Yaakub dan Dr. Bohariuddin, dua orang tokoh penting Malaya yang diakui oleh Jepun.

Pada ketika itu Taiping merupakan kota yang menjadi pusat pemerintahan tentera Jepun di negeri ini — Gunseikanbu dalam bahasa Jepunnya.

Ir. Soekarno dan Dr. Hatta ke negeri Jepun kerana berunding dengan Kerajaan Jepun tentang masalah memberikan kemerdekaan kepada Indonesia seperti yang telah terdahulu dijanjikan oleh Jepun kepada mereka sekiranya mereka membawa seluruh rakyat Indonesia bekerjasama dengan Jepun dalam masa Perang Asia Timur. Raya — Dai Toa Senso - yang sedang berjalan.

Ir. Soekarno dan Dr. Hatta telah memenuhi janji mereka dan sekarang mereka berkehendakkan Jepun pula memenuhi janjinya. Dan untuk meminta Jepun menunaikan janjinya itulah maka mereka terbang ke Jepun untuk berunding dengan pihak yang tertinggi sekali.

Persetujuan telah dicapai bahawa dalam kemerdekaan yang akan lahir nanti Malaya haruslah diikutsertakan sebagai sebahagian wilayahnya. Dan oleh sebab yang demikian harus membuat perundingan terlebih

GUNUNGI'

GUNUNG yang dimaksudkannya itu ialah Gunung Semanggol, Perak yang pada ketika itu menjadi pusat gerakan kiri Islam, yang bernama MATA atau Majlis Islam Tertinggi di bawah pimpinan Ustaz Abu Bakar Al Bakir, guru besar Sekolah Agama Al Ahya-u-Sharif.

Tidak mungkin yang dimaksudkan oleh Datuk Onn itu komunis kerana Parti Komunis Malaya pada masa itu masih halal dan yang telah haram baru API yang kebetulan ramai juga pengikut-pengikutnya di Gunung Semanggol.

Seperkara lagi kalau komunis yang dimaksudkan oleh Datuk Onn tentulah perkataan 'HUTAN' yang digunakannya - HUBAYA, HUBAYA, MUSUH DATANG DARI HUTAN - dan bukannya perkataan 'GUNUNG' sebab gerilya komunis biasanya, seperti yang telah terbukti dalam zaman Jepun dulu, berpusat dan berkeliaran di hutan demi kemudahan melakukan serangan-serangan hendap ke atas musuh dan kemudahan melarikan diri semula ke tempat persembunyian di dalam hutan.

3. Kehancuran gerakan-gerakan kiri perlu demi membuka dan memberikan peluang kepada UMNO memperkuatkan diri tanpa sebarang halangan dari 'lawan politiknya. Dengan lain perkataan tindakan Inggeris itu bertujuan melahirkan suatu vacuum, suatu kekosongan, dan kekosongan inilah yang dikehendaki oleh Inggeris supaya diisi oleh UMNO.

Giliran saya ditangkap di bawah Undang-undang Darurat ini tiba kira-kira seminggu sesudah keadaan darurat diisytiharkan atau tepatnya pada 1 Julai 1948 yang kemudiannya telah berjalan selama tujuh tahun (1948-1955) sebagaimana yang telah saya kisahkan dalam buku saya TUJUH TAHUN MALAM MEMANJANG.

Datuk Onn di luar berkuasa, bebas lepas dan ketawa ria sedang saya meringkuk dalam tahanan, duka dan nestapa, menderita kesengsaraan lahir dan batin - maktumlah baru berusia 28 tahun dan baru pula kira-kira 8 tahun mendirikan rumahtangga atau beristeri.

Ya, inilah kemungkinan kemungkannya 'kawan politik' bertukar menjadi lawan politik' yang harus saja diterima dengan penuh 'kejantanan' oleh siapa juga yang bukannya 'betina'!

menakjubkan saya ialah perihal perubahan sikap Datuk Onn yang jelas ternyata pada saya ketika itu. Dengan lain perkataan sikap Datuk Onn waktu akan menubuhkan KERIS dalam tahun 1945 terbalik awan benar dari sikapnya kini. Kenapa agaknya? saya bertanya di dalam hati. Dan kepastiannya tidak mudah saya dapati.

Kalau Datuk Onn masih tetap setia pada cita-cita KERIS, saya berpendapat, mustahil sekali beliau akan sampai hatinya bertindak demikian keras pada orang-orang dan kawan-kawannya yang cuba melanjutkan cita-cita KERIS dulu seperti yang terdapat dalam cita-cita PKMM dan API.

Mungkinkah, saya bertanya, Datuk Onn turut serta dalam ura-ura penubuhan KERIS dulu bukan kerana keyakinannya yang mendalam melainkan kerana hendak menyelamatkan diri semata-mata dengan jalan mengambil sikap bermuka-muka dengan Jepun yang berkuasa ketika itu?

Saya pernah diberitahukan bahawa dalam peringkat awalan menentang Malayan Union dulu Datuk Onn telah mempersetujui sikap kawan-kawan seperjuangannya yang mahu 'bertindak tegas' kepada D.Y.M.M. Sultan Johor kerana Baginda secara sedar telah menurunkan tandatangan menerima Malayan Union bahkan telah berjanji pula akan menghadiri suatu perjumpaan khas untuk meluluskan 'tindakan tegas' ini.

Datuk Onn bukan saja terlambat datang ke perjumpaan itu malah, yang memeranjatkan sekali, menentang hebat 'tindakan tegas' yang telah dipersetujuinya bersama sehingga tak jadi diluluskan. Ini menyebabkan kawan-kawan yang lain kecewa benar.

Mungkinkah keadaan berubah sikap ini juga boleh berlaku dilakukan oleh Datuk Onn sekiranya perjumpaan menubuhkan KERIS dalam bulan Ogos 1945 dulu itu jadi dilangsungkan dan tidak terbatal sebagaimana yang sebenarnya terjadi?

Kecemerlangan nama Datuk Onn dan 'kegagahan' UMNO yang dipimpinnya semakin meningkat tinggi, tinggi dan seterusnya tinggi lagi. Ini semuanya saya ikuti dari dalam tempat tahanan saya menerusi lembaran suratkhobar-suratkhobar yang dapat saya baca. Saya sekadar mengurut dada saja.

Inilah lumrahnya alam, saya memujuk hati, di samping ada yang gembira kerana kejayaannya pasti juga ada yang kecewa kerana kegagalannya. Dan hati itu, demi berlalunya masa terbujuk juga akhirnya.

dulu dengan tokoh-tokoh Malaya bagi mendapatkan kata sepakat dalam segala hal terperinci. Jadi kesinggahan Ir. Soekarno dan Dr. Hatta di Taiping tadi itu adalah atas maksud inilah.

Telah dipersetujui bahawa pertama sekali Malaya haruslah menubuhkan sebuah organisasi rakyatnya terlebih dulu dan organisasi inilah kelak yang akan membawa Malaya ke dalam Negara Kesatuan yang merdeka yang akan lahir nanti. Tugas ini diserahkan kepada Ibrahim Yaakub dan Dr. Burhanuddin mengatur dan mengusahakannya sehingga menjadi kenyataan.

Rancangan telah diatur sebaik-baiknya. Nama organisasi baru itu telah ditetapkan KERIS - Kekuatan Rakyat Indonesia Semenanjung. Perjumpaan merasmikan penubuhannya dijadualkan diadakan di Kuala Lumpur pada 17 Ogos 1945 nanti.

Para perwakilan dari seluruh Malaya yang akan menghadiri perjumpaan yang paling penting ini pun telah ditentukan dan ditetapkan. Salah seorang tokoh terpentingnya yang duduk dalam barisan pemimpin agungnya, selain dari Ibrahim Yaakub dan Dr. Burhanuddin serta kawan-kawan seperjuangan mereka dalam KMM - Kesatuan Melayu Muda - ialah Datuk Onn.

Saya tidak termasuk dalam kumpulan tokoh-tokoh ini kerana saya masih dianggap sebagai pemimpin kecil lagi, yang hanya layak untuk diberitahukan kemudian dan seterusnya menerima arahan-arahan saja.

Tetapi malangnya perjumpaan penting tersebut telah tidak dapat dilangsungkan atau terpaksa dibatalkan saja kerana penyerahan diri Jepun tanpa syarat kepada Kerajaan Berikat telah diumumkan keseluruhan dunia dua hari terdahulu - pada 15 Ogos 1945.

Kerana kegagalan perjumpaan inilah maka Ibrahim Yaakub dengan beberapa orang karib perjuangannya meninggalkan Malaya menuju ke Indonesia untuk berbakti di sana.

Sesungguhnya kerana adanya anggapan 'pemimpin kecil' terhadap saya ini oleh kawan-kawan dari semenjak Jepun mula memerintah di Malaya lagi maka saya bertindak sendirian menubuhkan BARISAN PEMUDA MELAYU berpusat di Ipoh, Perak, dalam masa Jepun memerintah dan kemudian turut serta secara aktif mengasaskan PKMM - Partai Kebangsaan Melayu Malaya - sebaik saja Jepun telah sah menyerah diri dan kemudian lagi menubuhkan API - Angkatan Pemuda Insaf - yang saya pimpin sendiri.

Bila saya telah berada dalam tahanan darurat sebagai yang telah terdulu saya ceritakan tadi perkara yang pertama menguasai pikiran dan

Melayu semata, dan dengan menubuhkan IMP dan kemudian Parti Negara yang tidak bercorak perkauman setidak-tidaknya beliau, pada pandangan saya, ada sedikit menunjukkan penerimaannya kepada dasar 'berbaik sangka semua kaum' yang dilaung-laungkan oleh PKMM dan API, walaupun barangkali tidak pada isinya yang anti-imperialisme dan anti-kapitalisme.

Dari mula-mula lagi PKMM dan API telah menyatakan dengan tegas akan tuntutan supaya Malaya dimerdekakan. Maka tidakkah penubuhan IMP atau Parti Kemerdekaan Malaya itu dengan sendirinya menyatakan hasratnya kepada kemerdekaan?

Apakah Datuk Onn sekarang telah rojok kembali kepada cita-cita asal KERIS yang diikuti sertainya dulu? Hati saya di dalam bertanya. Namun jawapannya yang pasti tidak pula dapat saya berikan. Keraguan saya masih bertunas.

Mungkinkah kerana Datuk Onn menampak tidak ada lain jalan atau jalan keluar yang lain yang terbuka baginya kecuali beliau rojok semula kepada UMNO yang ternyata paling dipantanginya?

Walau bagaimanapun Datuk Onn kini sudah mendapat suatu pengajaran dan semoga pengajaran ini akan menambahkan lagi kebijaksanaan mengemudikan perahu politiknya melayari lautan politik yang luas tak bertepi, saujana mata memandang.

Harapan saya, dalam keadaan yang demikian, hanya satu; Semoga Datuk Onn benar-benar telah balik ke pangkal jalan setelah agak jauh tersesat di hujung jalan. Dan saya memutuskan di dalam hati bahawa saya tidak keberatan menerimanya menjadi 'kawan politik' saya semula jika keadaan kelak menghendakinya.

Tak lama kemudian saya baca pula berita mengatakan satu kongres pemuda akan diadakan di Kuala Lumpur oleh pemuda-pemuda yang cenderungnya ke kiri dan ini ternyata dari peranan penting yang dimainkan oleh Dr. Burhanuddin, yang tidak dijangkau oleh Undang-undang darurat dan kerana itu tidak ditahan sebagaimana saya dan kawan-kawan lain yang ramai, di dalamnya.

Kongres Pemuda itu, menurut berita yang tersiar dalam suratkhbar-suratkhbar, sangat berjaya dan sebagai hasilnya sebuah Jawatankuasa Pemandu Kongres Pemuda atau 'Steering Committee' dalam bahasa Inggerisnya telah dibentuk. Dan dalam Jawatankuasa Pemandu ini duduklah, antara lain-lain, Dr. Burhanuddin dan Datuk Onn sebagai tokoh-tokoh pentingnya.

Nama Datuk Onn, setelah tersiernya berita Kongres Pemuda dan Ja-

Baru kira-kira tiga tahun saya di dalam tahanan tiba-tiba saya membaca berita Datuk Onn meninggalkan UMNO, keluar daripadanya, dengan disertai oleh beberapa orang pengikutnya yang setia kepadanya, baik di masa hujan mahupun di masa panas, termasuk anak lakinya sendiri, Kapten Hussein Onn (sekarang Perdana Menteri Malaysia).

Pada ketika itu tahun 1951. Dan punca berlakunya 'perkeratan rotan dan berpatahan arang' ini, dikatakan, kerana keengganan UMNO menerima usul Datuk Onn supaya keanggotaan UMNO tidak lagi di khaskan kepada orang-orang Melayu saja seperti halnya ketika itu melainkan dibukakan juga kepada orang-orang yang bukan Melayu.

Setelah keluar dari UMNO Datuk Onn lantas menubuhkan sebuah parti baru yang dinamakannya IMP Independence of Malaya Party - atau Melayunya 'Parti Kemerdekaan Malaya'".

Kerana IMP kurang mendapat sambutan terutamanya kerana UMNO telah memperoleh pengganti Datuk Onn yang dianggap oleh umum anggota UMNO sebagai setanding maka kira-kira tiga tahun kemudian atau tepatnya dalam tahun 1954 IMP telah digantikan dengan Parti Negara. Meskipun Parti Negara kemudiannya ternyata tidak lebih berjaya dari IMP tetapi gerakannya dijalankan terus juga.

Dari kenyataan ini ternyatalah betapa gigihnya Datuk Onn berjuang. Meskipun kecemerlangannya yang asal telah diambil oleh Tunku Abdul Rahman, yang kini mengerlip di langit UMNO yang terus menerus cerah dan tak dapat ditandingi kecerahannya oleh Parti Negara barang seketika juga, tetapi Datuk Onn tetap tidak mengaku kalah dan berusaha terus menyuntikkan kesegaran kepada Parti Negara.

Kekalahan dalam pilihanraya yang mula-mulanya dialami oleh IMP di tangan UMNO pimpinan Tunku Abdul Rahman sedikit tidak melemahkan semangat Datuk Onn dan pengikut-pengikutnya yang setia. Kalah, cuba lagi! Kalah lagi, cuba lagi! Itulah semboyan yang dipantakkan oleh Datuk Onn kepada pengikut-pengikutnya.

Dengan keluarnya Datuk Onn dari UMNO dan diikuti pula dengan penubuhan mula-mulanya IMP dan kemudiannya Parti Negara olehnya sendiri saya yang di dalam tahanan tertanya-tanya: Apakah Datuk Onn sekarang sudah kembali menyedari kebenaran cita-cita asal dalam KERIS yang dilanjutkan sekarang oleh PKMM dan API?

Dengan menghendaki UMNO mengubah corak perkaumannya kepada tidak perkauman, dengan mengusulkan supaya UMNO membukakan pintunya kepada semua kaum dan tidak lagi kepada orang-orang

watankuasa Pemandunya ini mula bertempat di hati saya. Pendeknya saya sudah mahu melupakan panas setahun dengan hujan sehari cuma.

Beberapa bulan sebelum saya dibebaskan dari tahanan selama tujuh tahun pada tahun 1955 kebetulan UMNO pimpinan Pemuda yang paling giat dan hebat menuntut dan memperjuangkan kebebasan saya dari tahanan sedang Datuk Onn tidak terbetik langsung. Ini menyebabkan fikiran saya tenggelam budi bicaranya.

Tunku Abdul Rahman, pemimpin UMNO yang menggantikan Datuk Onn, secara langsung yang saya ketahui tidak terlibat dalam penangkapan dan penahanan saya di bawah kuatkuasa Undang-undang Darurat tetapi Datuk Onn terlibat sebagai sifatnya Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri dalam pentadbiran Inggeris di Malaya ketika itu.

Sekarang Tunku dan orang-orang UMNO serta Pemuda UMNOnya berkauk-kauk menuntut dan memperjuangkan kebebasan saya sedang Datuk Onn tidak ada. Kepada siapakah saya harus berterimakasih — kepada Tunku atau kepada Datuk Onn yang saya sudah sedia menerimanya sebagai 'kawan politik' saya?

Sehingga saya benar-benar dibebaskan dari tahanan pada awal Julai 1955 saya masih tidak dapat memberikan jawapan yang tegas dan pasti kepada pertanyaan di atas.

Hanya setelah saya menikmati udara alam bebas di luar tahanan bersama isteri dan anak-anak serta sanak keluarga, baru saya dapat memutuskan dengan segala kepastiannya bersandarkan - kewarasan dan kesiuman berfikir yang tenang iaitu SEBAGAI SASTRIA SAYA HARUS MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA TUNKU, UMNO DAN PEMUDA UMNONYA ATAS KEBEBASAN SAYA SEBAB ITU ADALAH KENYATAAN DAN KENYATAAN HARUSLAH DIAKUI SEBAGAI KENYATAAN WALAUPUN SOAL KAWAN POLITIK' TIDAK TIMBUL DI SINI.


Dan inilah yang saya telah lakukan.

Di Persidangan Raja-Raja Melayu di Kuala Kangsar Mei 1946 menjadi tempat orang-orang Melayu menyuarakan bantahan-bantahan mereka terhadap konfederasi tersebut.



Kelihatan Datuk Onn bersama-sama dengan Captain Gammans dan Rees Williams.

Datuk Onn melancarkan parti barunya.



Mesyuarat pelancaran Parti Negara - Independence of Malayan Party. Dari kiri ke kanan R. Ramani, Datuk Onn, Datuk Tan Cheng Lock, Datuk C.E. Thuraisingam, G. Shelley, P.P. Narayanan.

Ogos 1951: Satu detik sejarah yang harus direnungi. Perjuangan diteruskan walaupun bertukar teraju. Datuk Onn menyerahkan pimpinan UMNO kepada Y.A.M. Tunku Abdul Rahman.



6

SETELAH tersiar saja berita pembebasan saya dari tahanan dalam semua suratkhobar tempatan ramai kawan-kawan yang telah datang mengunjunginya saya di rumah. Mereka semuanya mengucapkan rasa gembira dan rasa syukur kepada Allah S.W.T. Berjujus-jujus datang-nya mereka ini.

Yang pertama sekali datang ialah rombongan dari Parti Negara yang diketuai oleh Ahmad Daud dan Sanusi Ambia. Dan rombongan Parti Negara ini datang bukan sekadar mengucapkan selamat saja bahkan juga menghulurkan derma kepada saya yang mengikut kata Ahmad Daud dan Sanusi Ambia dikutip secara kilat.

Jumlah sebenarnya derma ini saya tak ingat tetapi yang pasti ke atas dari seratus ringgit. Dan jangan lupa nilai seratus ringgit sekarang.

Kata mereka: 'Derma yang kecil jumlahnya ini ialah derma kami secara ikhlas, derma kawan kepada kawan. Tak lebih dari itu. Jangan pula Bung sangka ada muslihat lain yang tersembunyi di sebaliknya. Misalnya hendak memikat Bung supaya memasuki Parti Negara. Tidak sekali-kali. Oleh yang demikian kami berharap Bung sudi menerimanya. Hanya sebanyak ini saja yang dapat kami usahakan.

Saya terima derma tersebut dengan baik, dengan perasaan penuh bangga. Kerananya saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada mereka.

sewa dan isterinya pula bekerja sebagai guru dan dengan yang demikian mempunyai pendapatan tetap (gaji) setiap bulan.

Melan Abdullah mempunyai seorang kenalan baik bernama Syed A. Aziz bin Ahmad, seorang saudagar kulit buaya (sekarang Datuk Abdul Aziz, tuannya PUSTAKA ANTARA yang terkenal itu). Runding punya runding kami bersetuju menubuhkan sebuah syarikat percetakan untuk menerbitkan sebuah akhbar mingguan mula-mulanya.

Untuk mendapatkan banyak lagi pemegang saham dalam syarikat itu Melan Abdullah dan Syed Aziz membawa Jaafar Hussain dan saya menemui Haji Ahmad dan Tamby atau Nazir Jalil, dua orang tokoh Parti Negara dan pengikut Datuk Onn yang setia. Mereka termasuk dalam jumlah orang-orang Melayu yang banyak wang.

Runding punya runding akhirnya kami sebulat suara bersetuju dengan rancangan menubuhkan syarikat percetakan itu. Ia akan dinamakan PEDOMAN PRESS. LTD. dan mingguan yang akan diterbitkan (bertulisan Jawi) akan dinamakan PEDOMAN. Di rumah Melan Abdullahlah keputusan muktamad ini kami simpulkan.

Saham yang terbanyak dipegang oleh Syed Aziz, Haji Ahmad dan Nazir Jalil sedang Melan Abdullah, Jaafar Hussain dan saya masing-masing memegang saham sekadarnya saja. Maklum kami bertiga bukan orang-orang yang berwang yang banyak. Kemudian saja seorang kawan baik saya menolong menambahkan saham saya itu sehingga sama banyak dengan saham Syed Aziz atau Haji Ahmad atau Nazir Jalil.

Melan Abdullah dan saya ditugaskan di Jabatan Pengarang, Jaafar Hussain di Jabatan Pengurus dengan Syed Aziz menjadi Pengarang Urusannya. Penandatanganan cek-cek ditugaskan pada sebarang dua orang dari tiga orang yang telah ditetapkan iaitu Syed Aziz, Haji Ahmad dan saya sendiri.

Selain dari menerbitkan mingguan PEDOMAN syarikat kami itu juga menjual buku-buku Indonesia yang bagi mendapatkannya diusahakan oleh Syed Aziz sendiri. Kerana itu dia sering berulang alik ke Indonesia.

Pejabat kami terletak di Bangunan China Insurance di Batu Road (sekarang Jalan Tuanku Abdul Rahman) yang kami sewa.

Mingguan PEDOMAN mendapat sambutan yang hebat sekali di luar dugaan kami. Tergalak oleh kejayaan ini kami menerbitkan pula sebuah majalah bulanan bertulisan rumi yang kami namakan PATI. Pada ketika ini Ishak bin Haji Mohammad (Pak Sako) dan Hamdan tampil memberikan khidmat mereka memperkuatkan Jabatan Pengarang.

Secara kebetulan di waktu itu pula Datuk Onn dengan sokongan

Tidak ada, rombongan dari UMNO yang datang mengunjungi saya. Tidak ada juga dari Pemudaanya. Heran juga saya dibuatnya dan malah di luar dugaan saya. Bukankah mereka yang berkauk-kauk menuntut saya dibebaskan dulu? Akan sekarang setelah saya dibebaskan yang bererti setelah perjuangan mereka berhasil mereka buat tak tahu pula.

Bagaimanapun kepada para wartawan yang datang menemui saya, saya tetap tak lupa, sebagaimana yang terdulu saya putuskan dalam hati, menyatakan ucapan terima kasih kepada UMNO dan Pemudaanya kerana peranan yang mereka telah memainkan bagi mendapatkan kebebasan saya ini.

Pada ketika itu, kalau saya tak silap, kempen pilihanraya yang pertama di Malaya sebelum merdeka sedang berjalan. Pilihanraya ini ialah untuk memilih seramai 52 orang yang bakal menduduki kerusi dalam Majlis Undangan Federal yang berkeputusan 51 kerusi dimenangi oleh UMNO dan sekutunya dan kerusi yang satu lagi itu dimenangi oleh PAS — (Parti Islam Se Tanah Melayu).

Mungkinkah kerana kesebukan berkempen ini maka UMNO dan Pemudaanya tak berkesempatan mengantarkan rombongan mengunjungi saya? Ya, mungkin juga. Tetapi mungkin pula kerana UMNO masih menganggap saya belum atau belum boleh lagi diterima sebagai 'kawan politik' melainkan 'lawan politik'. Dan kemungkinan ini tentunya tidak boleh ditolak begitu saja.

Setelah bebas dari tahanan mula-mula saya bekerja di akhbar harian MAJLIS sebagai salah seorang anggota sidang pengarangnya bersama-sama dengan Haji Mohammad Dahlan Mas'od (HAMDAM), sebagai Ketua Pengarang, dan Melan Abdullah serta Jaafar Hussain. Malangnya tak lama kemudian MAJLIS terpaksa ditutup kerana tidak menguntungkan.

Melan Abdullah, Jaafar Hussain dan saya, sebenarnya sudah sejak lama menjadi kawan karib. Jadi tak heranlah kalau keadaan berkawan karib ini berlanjutan setelah kami menjadi 'wartawan nganggur' sekarang. Kami sering bertemu dan berunding. Kebetulan pula kami sama-sama tinggal di Kampung Baru walaupun di rumah-rumah yang berasingan, maka bertambah mudahlah pertemuan dan perundingan ini dilakukan.

Tempat pertemuan dan perundingan itu di rumah Melan Abdullah tentunya. Pertamanya kerana rumah itu agak selesa dan keduanya kerana Melan Abdullah masih berkemampuan menjamu kami dengan minuman kopi O setidak-tidaknya sebab dia tinggal di rumah sendiri dan dengan yang demikian tak perlu mengeluarkan wang membayar

mengulang apa yang dikatakannya kepada Haji Ahmad tadi (ini dinyatakan kemudian kepada saya oleh Haji Ahmad): 'Sihat nampaknya saudara dan gemuk pula. Rupa-rupanya masa tujuh tahun da'am tahanan sedikit pun tidak menjejaskan saudara, kesihatan saudara yang saya maksudkan'.

'Begitulah Datuk kata saya sambil tersenyum lebar. 'Maklumlah badan masih muda lagi'.

Pertanyaan yang pertama dikemukakannya kepada saya sebaik kami telah duduk dengan sempurna berdepan, disertai oleh Haji Ahmad sekali, ialah; "Bagaimana dengan PEDOMAN, bagus sambutannya?"

'Alhamdulillah, Datuk' saya menjawab. Di luar dugaan semula'.

'Kalau begitu syukurlah. Diharap begitulah berpanjangan hendaknya'.

'Bagaimana pula dengan KRITIK, Datuk?

'Samalah dengan PEDOMAN.

'Memang patutnya kita sama-sama bersyukur kalau begitu'.

'Saya harap PEDOMAN dan KRITIK sama-sama menghentam musuh yang satu musuh kita bersama'.

Saya mengangguk-anggukkan kepala sambil tersenyum. Haji Ahmad pun tersenyum. Tetapi muka Datuk Onn kelihatan serius. Kemudian mulalah dia melancarkan serangan hebatnya kepada UMNO untuk saya dengari.

Patutlah mukanya kelihatan serius tadi! Saya berkata di dalam hati. 'Otaknya mula bekerja, fikirannya mula keluar dan hatinya ghairah untuk menghamburkan fikiran tersebut. Sebab itu dia tidak ada masa untuk tersenyum.

Dalam perbualan kami seterusnya saya tidak banyak berkata-kata. Hanya sesekali saja. Yang banyak saya buat ialah mengangguk kerana saya perhatikan Datuk Onn mempunyai banyak perkara yang hendak dicakapkannya. Tak baik kalau diganggu pula.

Dari percakapannya ini ternyata pada saya bahawa geramnya pada UMNO masih tak pudar-pudar malah semakin menggilu. Tidak ada satu pun langkah UMNO yang disetujuinya. Semuanya habis dikritiknya belaka. Semuanya salah, semuanya cetek, semuanya melambangkan kedangkalan UMNO berpolitik.

Dia tidak merapek dari beromong kosong. Dia tidak membuat isapan-isapan jempul semata. Setiap kritikan yang dibuatnya, setiap pendapat yang dikemukakannya, dikuatkannya dengan bukti-bukti yang diperolehinya dari pembacaannya dari buku-buku, majalah-majalah

beberapa orang para pengikutnya yang setia, termasuk Haji Ahmad yang juga menjadi salah seorang pemegang saham utama dalam syarikat PEDOMAN kami, tampil menerbitkan sebuah mingguan bertulisan jawi juga yang dinamakannya KRITIK.

Pejabat KRITIK ini terletak di tingkat sebuah kedai gambar kepunyaan Haji Ahmad hanya di seberang jalan pejabat PEDOMAN kami, kalau tidak kerana arah ke sebelah kanan sedikit maka bolehlah dikira bertentangan. Haji Ahmadlah yang menjadi pengurusnya dalam segala hal.

Bahawa Datuk Onn sendiri yang menjadi pengarang mingguan KRITIK ini tidak sedikit pun memmerajatkan saya. Bukankah dulu-lama dulu beliau pernah menjadi pengarang kepada sebuah harian Melayu yang diterbitkan di Johor Bahru bernama LEMBAGA MALAYA, kalau saya tak silap? Pada ketika itu saya masih kecil dan di bangku sekolah rendah lagi. Bermimpi hendak menjadi penulis pun belum.

Pada suatu hari, di sebelah pagi, Haji Ahmad datang ke pejabat saya dan menyampaikan pesan dan hasrat Datuk Onn hendak berjumpa dengan saya.

"Hendak berjumpa kerana apa? saya bertanya. Katanya sengaja hendak berbual-bual dan tak ada sebab yang lain' Haji Ahmad menerangkan. Tambahan pula katanya dia belum lagi pernah berjumpa secara dekat dengan En. Ahmad.

'Oh, begitu' saya segera memberikan putusan. Baiklah, tengahari nanti saya datang'.

Sebagai seorang yang layak dipanggil anak oleh Datuk Onn, saya memikirkan wajar dan pada tempatnyalah saya yang datang mengunjunginya dan bukannya dia yang datang mengunjunginya. Tanda menghormati orang yang lebih tua dari kita, setidak-tidaknya.

Waktu saya sedang dalam perjalanan di jalanraya menuju ke pejabat Datuk Onn - pejabat KRITIK - tengahari itu sebagaimana yang telah saya janjikan saya lihat Datuk Onn sedang berteleku di jendela pejabatnya memerhatikan saya datang. Dia menunggu kedatangan saya untuk memastikan sama ada saya ini orang yang menepati janjinya atau tidak.

Saya lihat dia tersenyum. Senyumannya ini saya balas sambil saya mengangkat tangan kanan saya ke atas sebagai isyarat menegurnya dari jauh. Dia berkata sesuatu kepada Haji Ahmad yang berdiri di sampingnya. Tetapi apa buah butirnya tak dapat saya pastikan kerana tidak kedengaran pada saya.

Waktu kami bersalaman, sebelum duduk berbual-bual, Datuk Onn

7

KALAU minggu PEDOMAN yang kami terbitkan memerlukan dua tenaga yang bukan kecil bagi mengisinya iaitu Melan Abdullah dan saya maka tidak demikian halnya dengan minggu KRITIK. Dan inilah seperkara yang mengagumkan saya.

Minggu KRITIK diisi dengan tenaga Datuk Onn seorang saja. Dialah yang membuat rencana pengarang. Dialah yang membuat beberapa rencana politik. Dialah yang membuat berita. Dan dialah juga yang meneliti, menapis dan membetulkan tulisan-tulisan sumbangan dari luar sebelum disiarkan. Pendeknya dialah penanggungjawab penuh.

Benar, Datuk Onn bertugas penuh masa dengan KRITIK tetapi Melan Abdullah dan saya pun begitu juga dengan PEDOMAN. Kami menggelarkannya lone ranger' yang luarbiasa kalibernya. Dan memang dia seorang penulis yang luarbiasa lengkap ilmu pengetahuan dan pengetahuan amnya.

Dia boleh menulis berkenaan apa jua perkara politik, ekonomi, perlembagaan, tinjauan politik dunia dan banyak lagi, dengan memberikan fakta dan angka. Dia memberikan petikan-petikan dari buku, majalah dan suratkhbar, yang kebanyakan kita telah pun melupainya untuk menguatkan hujah-hujahnya.

Dia kalau calang-calang handal jangan cuba hendak berpolitik

dan suratkhbar-suratkhabat yang telah dibacanya. Bukti-bukti dari buku-buku, majalah-majalah dan suratkhbar-suratkhabat ini sebuah demi sebuah diambilnya dari atas mejanya dan ditunjukkannya kepada saya.

Saya kagum sekali. Tak heranlah saya lihat tadi di atas mejanya penuh bertaburan buku-buku, majalah-majalah dan suratkhbar-suratkhabat yang bukan sedikit. Tak teratur langsung suasana atas mejanya itu.

'Nampaknya Datuk ini banyak dan rajin membaca' saya mergulas'.

'Orang yang sudah tua seperti saya apa lagi yang boleh dibuat selain daripada banyak membaca' ujanya. 'Hendak berpoya-poya sudah lewat' sambil ketawa berdekah.

Dan kemudian tambahna: 'banyak membaca menambah ilmu pengetahuan seseorang'.

Saya mengangguk menyetujui pendapatnya ini.

Kerana saya harus kembali semula ke pejabat meneruskan tugas yang saya tinggalkan tadi dan waktu pun sudah lewat pukul 2 petang saya segera minta diri sebelum dia sempat membuka perkara baru.

Waktu bersalaman, memuncakkan pamitan ini, Datuk Onn berkata pada saya: 'Kerap-keraplah datang ke sini, kita berbual-bual. Seronok juga jika dapat berbual-bual, kan? Tetapi bual berisilah, jangan pula bual kosong'.

Insyallah, Datuk' saya memberikan janji.

Saya berlalu pergi. Kemesraan rasa-rasanya sudah berputik kini. Suasana 'kawan politik sudah mula terbayang.

"Tak tahu" saya menjawab. "Satu jam barangkali" saya meneka pula.

"Lebih dari itu" Haji Ahmad menerangkan. "Saya rasa-rasa tak kurang dari dua jam, mungkin lebih.

'Ai, apa yang dibacanya agaknya'.

'Apa yang ada tertulis di dalamnyaalah. Apa lagi? Kalau tidak takkan mengambil masa selama itu'.

Termasuk barangkali iklan-iklan.

Tentu sajalah'.

Bila datuk Onn sedang asyik membaca janganlah diganggu dia. Sudah pasti dia tak akan memberikan layanannya kepada kita, lantas kita akan menuduhnya sombong pula.

Suatu lagi apa yang dibaca oleh Datuk Onn bukan sekadar dibaca dan difahaminya sepenuhnya malah disematkannya dalam otak kepalanya. Dan dia memang seorang yang kuat pengingatannya. Sekali dibaca dan difahaminya maka akan teringatlah olehnya hingga bila-bila, persis seperti rakaman.

Dengan jalan begini penuhlah kepalanya dengan ilmu pengetahuan yang banyak, yang meliputi segala bidang dan jurusan sehingga dia menjadi seorang yang serba tahu. Tanyalah kepadanya apa juga maka dia menerangkannya jarang sekali yang tidak dapat diterangkannya. Kerana itu saya sering menggelarkannya ENSIKLOPEDI BERNYAWA.

Di Kuala Lumpur Datuk Onn tinggal menyewa sebuah kamar hotel yang terletak betul-betul di depan pejabat KRITIKnya itu - di seberang jalan. Isterinya ditinggalkannya di Johor dan tidak dibawanya bersama-sama tinggal di Kuala Lumpur dengannya. Jadi membujanglah dia di Kuala Lumpur dan ini juga sebabnya dia mudah menyewa kamar hotel saja.

Selain daripada itu ada juga untungnya dia tinggal di situ. Pertama: dia mudah dan cepat pula sampai di pejabatnya. Kedua: dia hanya perlu berjalan kaki saja datang ke pejabat. Dan ketiga: dia tak perlu mengeluarkan wang untuk tambang datang dan balik dari pejabat.

Urusan menyewa kamar hotel ini - sewanya dan lain-lain - ditanggungjawabpi oleh Haji Ahmad dan Datuk Onn tak mengambil tahu langsung. Begitu juga tentang makan minumannya Haji Ahmadlah yang mengadakannya dan dia tak perlu merungsingkan hal ini. Tahu beres sajalah.

Haji Ahmad pada suatu hari memberitahukan saya: Datuk Onn tidak banyak tidur. Setiap malam dia tak pernah tidur lebih awal dari pukul 12 tengahmalam. Tengahari dia tidur sedikit, kira-kira selama 10 sampai

dengannya kelak akan mendedahkan kejahilan kita sendiri saja dan bukan kejahilannya.

Cuma cacatnya sedikit, dan kalau inipun boleh dikira kecacatan cara bahasanya atau gaya karangannya yang tidak berubah sedikit jug dari cara dan gaya lama atau tua. Cara atau gaya ini tidak menyelerakan terlalu bakhil pada noktah, ayat panjang-panjang dan jika diteliti baik-baik sebuah ayat sebenarnya merupakan cantuman beberapa ayat. Pendeknya kalau dalam istilah penulisan sekarang tidak punyai PUNCH tidak punya gigitan.

Begitupun dalam satu hal beliau ada kelebihanannya dari setengah penulis-penulis pojok terkenal yang menulis dalam Bahasa Inggeris dulu dan kemudian baru diterjemahkan oleh orang lain ke dalam Bahasa Malaysia, yang tak mampu menulis terus dalam Bahasa Malaysia, kerana beliau menulis terus dalam Bahasa Melayu (masa itu) atau Bahasa Malaysia (masa sekarang).

Ini bukan bererti beliau tidak boleh menulis dalam Bahasa Inggeris. Tidak. Malah Bahasa Inggeris beliau sungguh indah, entah mana-mana dengan pakar penulisan yang berbangsa Inggeris sendiri. Tidak salah rasanya kalau beliau dikatakan penulis dalam dua bahasa - Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Daripada perhatian saya setelah kemesraan kami terjalin ini dan di sahkan pula oleh Haji Ahmad yang begitu rapat dengannya ada beberapa fiil Datuk Onn yang ternyata dengan jelas kepada saya.

Sebagaimana yang terdulu pernah saya nyatakan sendiri padanya dan diakuinya pula Datuk Onn rajin sekali membaca. Semua dibacanya. Buku-buku, majalah-majalah dan suratkhbar-suratkhbar dan apa saja yang boleh dibaca. Pokoknya asal ada saja dan boleh mendatangkan pengetahuan kepadanya.

Dan dia membaca ini tidak ditentukan masanya. Pendeknya asal ada masa terluang dia akan membacalah. Tetapi yang sudah tetap dan pasti waktu malam sebelum tidur. Pembacaanlah yang mendatangkan kantuk pada matanya.

Berkata Haji Ahmad: Kalau kita membaca suratkhbar habis-habis lama masa yang kita gunakan untuk itu setengah jam . . .

"Saya sendiri tidak pun sampai selama itu, " saya mencelah. "Habis-habis lama lima belas minit kerana saya pilih berita-berita atau rencana-rencana yang penting saja, yang menarik selera saya."

"Tapi En. Ahmad tahu atau boleh teka berapa lama Datuk Onn membaca sebuah suratkhbar?" Haji Ahmad bertanya pada saya.

"Tolong buatlah rencana pengarang. Itu saja. Yang lain-lain sudah siap semuanya'.

"Datuk tak ada tinggalkan rencana pengarang?"

"Tak ada".

"Fikiran Datuk dengan fikiran saya tak serupa. Saya bukan orang Parti Negara yang tahu dengan dasar, tujuan dan matlamat perjuangan Parti Negara. Nanti dimarahinya rencana pengarang saya itu".

"Tidak, dia takkan marah. Tulislah berdasarkan fikiran En. Ahmad saja. Fikiran Datuk dengan fikiran En. Ahmad selalunya serasi dan ini pernah diakuinya sendiri pada saya. Kalau En. Ahmad tak buatlah rencana pengarang itu terpaksa tak keluarlah KRITIK minggu ini. Sungguh disayangkan!".

Permintaannya ini saya penuhi. Tak sampai hati saya hendak menghampakkannya. Maklumlah Haji Ahmad juga pemegang saham terbesar dalam PEDOMAN.

Waktu saya hendak kembali semula ke pejabat saya, setelah menyelesaikan tugas yang diminta saya laksanakan tadi, Haji Ahmad membebankan saya dengan wang tunai sebanyak 30 ringgit'.

"Saguhati kerana jerih payah' Haji Ahmad menerangkan, dan saya tidak menolaknya. Siapa orangnya yang menolak rezeki? 30 ringgit pada ketika itu agak tinggi nilainya.

Sejak ini agak sering juga saya diminta oleh Haji Ahmad membuat tugas yang sama dalam keadaan yang serupa. Betul-betul waktu KRITIK akan hendak diterbitkan. Kadang-kadang saya dipanggil bersama-sama dengan Abdul Rahman Rahim, seorang penulis yang paling intim dengan saya dan Haji Ahmad juga.

Dia bekerja di Kedutaan Indonesia di negeri ini (baru bertaraf konsulat sebenarnya sebab Malaya belum lagi merdeka penuh). Kebetulan-pejabatnya ini terletak di bangunan yang sama di mana pejabat PEDOMAN juga bertempat.

Kalau kami kedua sekali dipanggil bermaknalah masih banyak bahan-bahan yang kurang untuk KRITIK, bukan sekadar rencana pengarang saja. Jadi Rahman Rahim dan saya terpaksa berbagi-bagi kerja. Kalau saya menulis rencana pengarang, Rahman Rahim menyediakan bahan-bahan yang lain — rencana, berita-berita dan lain-lain. Begitu juga sebaliknya.

Saguhati yang kami terima tetap 30 ringgit seorang — tunai bayarannya.

Kerana selalu benar begini maka kami pun, bila dipanggil datang oleh

15 minit, sesudah makan tengahari, sekadar untuk merehatkan otaknya yang begitu kuat bekerja sebelumnya.

Bila sudah terlalu banyak membaca malam di kamarnya dan matanya belum juga mengantuk lagi dia akan turun ke bawah dan bersiar-siar di kakilima hotel ataupun di jalan di depan hotel — mengambil angin katanya. Kadang-kadang dia duduk-duduk di simen datar yang tinggi di kiri kanan tangga simen naik ke halaman hotel itu.

Kadang-kadang waktu duduk-duduk di sini dia mendapat peluang berkenalan dan berbual-bual dengan para pelacur yang dipanggil datang ke hotel itu berniaga sebab ada pelanggan. Biasanya sesudah para pelacur itu berniaga lah dan hendak pulang semula ke tempat asal datangnya tadi perkenalan dan perbualan ini terjadi.

Ada-ada sajarah yang ditanyakannya pada mereka dengan maksud hendak mengambil tahu kedudukan pelacuran yang sebenar sambil mencungkil rahsia mereka seperti kisah diri mereka dan lain-lain, jika boleh.

Kadang-kadang ada juga orang terkejut melihatkan gelagat Datuk Onn ini. Mungkin mereka membuat sangkaan yang tidak-tidak. Tetapi dia tak peduli. Yang tidak itu takkan boleh menjadi ia, katanya. Ya tak ya juga, En. Ahmad timbanglah sendiri: kalau gigi sudah tak ada apa lagi gunanya rawan walaupun rawan sedang bermusim. Hendak digigit tak lalu. Jangankan hendak dikunyah, dan hendak ditelan saja tersenggang dan tercekik pula padahnya. Kan begitu?

Saya mengganggu-nganggu kepala.

Pada suatu pagi Haji Ahmad beria-ia benar memanggil saya datang ke pejabat KRITIK. Mahu tak mahu saya terpaksa pergi. Sampai di sana saya dapati Datuk Onn tidak ada sebagaimana biasa dan selalunya. Mejanya tetap tak bersusun sebagaimana biasa, bertaburan buku, majalah suratkhbar dan kertas di atasnya, tetapi kerusinya kosong. Tak ada tuannya duduk di sana.

"Eh, mana Datuk?" saya bertanya pada Haji Ahmad.

'Kenapa?'

'Tak apa-apa'.

"Rindukan Datukah agaknya?"

"Mungkin barangkali".

"Sudah siapkah bahan-bahan untuk KRITIK? Keluaran minggu ini sudah nak terbit, kan?"

"Itulah sebabnya saya panggil En. Ahmad ke mari ni".

'Apa yang saya boleh buat, boleh tolong?'

'Kemudian apa jadi?' saya bertanya.

"Dua tiga hari kemudian, paling lewat seminggu, bila rajuknya itu telah hilang dia balik sendiri bekerja semula dan berlagak seperti biasa, seperti tidak ada apa-apa yang telah berlaku, seperti dia telah tidak ada merajuk. Saya juga menari mengikut gendang — berlagak serupa pula, seperti biasa dan yang selalunya.

"Itu sudah baguslah" Rahman Rahim memberikan ulasan dan pandangannya.

Kedudukan terakhir Rahman Rahim ini, sebelum dia meninggal dunia beberapa tahun yang lalu, ialah sebagai penulis tajuk rencana akhbar-akhbar Kumpulan Utusan.

Dalam pada itu ada sesuatu yang saya hormati tentang Datuk Onn ini iaitu jiwanya yang besar. Buktinya' semua rencana pengarang yang kami — Rahman Rahim dan saya — tulis untuk KRITIK itu bukan saja diterimanya sebagai rencana-rencana pengarangnya juga bahkan dipertahankannya pula sebagai fikiran dan pendapatnya. Dengan lain perkataan dia dengan penuh kesedaran mengambil tanggungjawab penulisan-nya sebagai kesatria.

Bukankah hanya kesatria saja yang berjiwa besar demikian?

Ya, kesatria yang berani dan berkalibar, seorang ahli politik yang bijak, seorang juga seorang pendakwa yang baik dan menarik, yang berlagak dan berani, yang tidak gentar berdepan dengan siapa juga penguasa dunia dan antara apa-apa. Pada mereka dia tidak ada sebarang cela dan perjuangannya tepat dan jujur belaka.

Sebelum dia dia tak heran kiranya kalga dia di antara orang-orang dari Negara itu yang mengangap Datuk Onn tidak-benar atau seperti orang-orang India mengangap Mahatma Gandhi, terangnya, atau dia mengangap ketakutan kapadanya.

Yang paling radikal di antara mereka itu pula akan berlagak apa saja untuk menabala dan memperhentikan Datuk Onn sebagai pemimpin perjuangan mereka.

Karena demikian tingginya pandangan mereka pada Datuk Onn sebagai pemimpin maka mereka berkebudakannya, sahlah-budaknya, mengabdikan diri pada beliau sebagai penyempoa dan rapat umum yang dia-lemba dia parti di mana jagat di seluruh tanahair termasuk kesempoa-pemimpinnya.

Tanpa perperasaan Datuk Onn di dalamnya, pada pandangan mereka, perperasaan dan rapat umum itu adalah kata-kata berlagak, ibarat orang

Haji Ahmad, cepat-cepat saja datang tetapi sebelum kami memulakan tugas kami selorohkan dia dulu dengan berkata:

"Tuan Haji! Sekarang kami harus kenakan syarat pula, tidak seperti yang sudah-sudah lagi".

"Syarat apa pula?" Haji Ahmad akan bertanya. "Mahu dinaikkan pula bayaran saguhatinyakah?"

"Tidak,. Bukan begitu" kami segera menjawab. 'Bayaran tetap seperti biasa tetapi pembayarannya mesti dulu bukan lagi kemudian. Letak 30 ringgit tunai di sana dan 30 ringgit tunai di sini, baru kami akan memulakan tugas yang diminta'.

Syarat itu terus dipenuhinya dengan tidak banyak soaljawab dan tidak banyak cakap. Betul-betul lurus dan jujur orangnya Haji Ahmad ini, dan itulah maka kami sayang padanya.

Kami ketawa berdekah-dekah dan kemudian berkata: "Kami cuma hendak berseloroh saja Tuan Haji, bukan sungguh-sungguh". Tetapi wang itu kami ambil juga dan terus masukkan ke dalam saku masing-masing.

Haji Ahmad hanya tersenyum. Dia tidak marah dan tidak pula berkecil hati pada airmukanya, yang terus berkeadaan seperti biasa saja — tenang dan manis.

Kemudian dia tiba-tiba berlagak garang pula berubah serta merta, dan mengherdik kami: 'Nah, sekarang apa lagi ditunggu-tunggu, buatlah kerja itu cepat-cepat'.

Lagakya itu berdasarkan hakikat bahawa kerana bayaran pada kami telah dibayarnya maka dengan sendirinya dia telah menjadi seorang majikan dan kami buruhnya dan buruh mesti ikut perintah majikan. Kerana kami tahu dia sekadar berlagak saja maka sekali lagi kami melambakkan ketawa kami yang berdekah dan mengilai.

Akhir-akhirnya kami tahu juga. Haji Ahmad sendiri yang memberitahukan pada kami — Rahman Rahim dan saya. Bahawa Datuk Onn balik ke Johor Bahru dengan mengejut itu, kali demi kali, ialah kerana ia merajuk. Entah apa yang dirajukkannya ataupun punca yang menyebabkan dia merajuk Haji Ahmad tidak tahu.

"Orang tua-tua memang begitu" kata saya. 'Hatinya mudah perasa, lekas tersinggung dan cepat merajuk'.

'Biarkan sajalah' tambah Rahman Rahim pula.

'Memang saya biarkan' Haji Ahmad menerangkan. 'Tidak saya tanya-tanya, tidak saya pujuk-pujuk dan saya biarkan dia sesukanya'.

8

KEPADA Orang-orang Parti Negara Datuk Onn bukan saja seorang pemimpin yang cekatan dan berkalibar, seorang ahli politik yang pakar, bahkan juga seorang pemidato yang baik dan menarik, yang lantang dan berani, yang tidak gentar berdepan dengan siapa juga pemidato lawan dan entah apa lagi. Pada mereka dia tidak ada cacat celanya dasar perjuangannya tepat dan jitu belaka.

Bertolak dari sini tak heran kiranya kalau ada di antara orang-orang Parti Negara itu yang menganggap Datuk Onn kira-kira sama seperti orang-orang India menganggap Mahatma Gandhi, umpamanya, sehingga meningkat ketaksuban kepadanya.

Yang paling radikal di antara mereka itu pula akan bersedia apa saja untuk membela dan mempertahankan Datuk Onn termasuk mempertarungkan nyawa mereka.

Kerana demikian tingginya pandangan mereka pada Datuk Onn sebagai pemimpin maka mereka berkehendakkannya, seboleh-bolehnya, menghadirkan diri pada setiap perjumpaan dan rapat umum yang diadakan oleh parti di mana juga di seluruh tanahair termasuk kempen-kempen pilihanraya.

Tanpa penyertaan Datuk Onn di dalamnya, pada pandangan mereka, perjumpaan dan rapat umum itu akan kurang berkesan, ibarat emas

Kemudian dia akan memberikan sekali sebab-sebab dan alasan-alasannya tidak bersetuju itu dengan memberikan fakta-fakta bagi menguatkan pendapatnya tersebut. Dia menggunakan buku, majalah dan surat-khabar yang ada dibawanya bersama yang memuatkan fakta-fakta tersebut untuk ditunjukkan atau ditayangkannya kepada para pendengarnya.

Kalau dia menggodam maka godamannya itu hebat sekali. Kadang-kadang pihak yang digodamnya ini dipersenda-sendakannya sehingga orang ramai yang mendengarkan ucapannya ketawa geli hati. Setelah dia berbuat begitu dia lantas memperkecil-kecilkan pihak yang digodamnya itu, diikuti dengan selaran dan bidasan yang pedas dan tajam.

Bukankah bila orang ramai telah menganggap seseorang itu layak untuk menjadi bahan geli hati semata-mata pandangan mereka terhadapnya dengan sendirinya menjadi rendah dan dengan yang demikian segala bidasan dan selaran ke atasnya akan mereka terima sebagai wajar belaka?

Inilah sebenarnya kesan yang diharapkan oleh Datuk Onn dan kesan ini ternyata ada seperti yang diharapkannya. Dan para pengikutnya tentu saja bergembira mendapati kesan ini. Jalan mereka untuk meluluskan kelindan kemudian sudah terbuka dengan lulusnya jarum yang diusahakan oleh Datuk Onn tadi.

Berbeza dari kebanyakan tokoh politik lain, dari parti-parti lain, yang menyesuaikan isi ucapan mereka dengan keadaan, masa dan tempat Datuk Onn tetap berucap dalam nada yang serupa pada sebarang keadaan, masa dan tempat.

Misalnya, kalau seorang tokoh lain melembutkan selaran dan bidasannya sehingga jadi berbelit-belit bila dia tahu yang dia berucap itu di tempat yang menjadi kubu kuat parti lawannya dan sebahagian besar dari yang hadir mendengarkan ucapannya terdiri dari orang-orang parti lawannya itu dan dia berucap ini di tanah lapang pula sebelah malam hari, demi untuk mengelakkan kejadian buruk ke atas dirinya, tetapi Datuk Onn tidak menghirau dan memperhitungkan semuanya ini bila dia berucap. Pendeknya "semacam saja" kalau mengikut istilah orang-orang di Kelantan dan Trengganu.

Yang anehnya, bila Datuk Onn berucap tidak ada orang di kalangan para pendengarnya, walaupun dari pihak parti-parti lawan, yang berani mengganguinya. Misalnya menyorak-menyorakkannya, membuat bisik, menghujahnya dengan kata-kata dan lain-lain. Ada kawan yang mengatakan, dan tentunya kawan ini termasuk ke dalam golongan

yang telah kehilangan sepuh dan tinggal senam semata.

Sebaliknya jika Datuk Onn ada dan turut serta memberikan pidatonya maka jadilah ia sebagai semarak api pada cucuhan daun-daun kering. Kalau diibaratkan besi berani yang boleh menarik besi-besi lain kepadanya, Datuk Onn pada mereka adalah besi berani yang boleh menarik rakyat beramai-ramai menghadiri perjumpaan dan rapat umum yang diadakan tadi. Inilah harapan mereka, permintaan mereka dan rayuan mereka yang kuat dan bulat.

Dan Datuk Onn mengerti betul akan keadaan ini, memahaminya dan menyedarinya. Dia tidak mahu dan tidak sampai hati menghampakan harapan pengikut-pengikutnya. Kerana itu kemana juga dia dijemput dia pasti akan hadir kecuali dia berhalangan secara mendadak seperti misalnya dia ditimpa keuzuran dan seumpamanya.

Apa yang didugakan oleh pengikut-pengikutnya tadi ternyata benar sekali. Memang Datuk Onn seperti besi berani kepada rakyat ramai. Di mana dikatakan Datuk Onn akan memberikan wejangannya, dalam rapat umum, kempen pilihanraya dan lain-lain, orang ramai, terutama yang berbangsa Melayu, akan datang berduyun-duyun untuk mendengarkannya. Untuk mendengarkan pidato Datuk Onn soal parti tidak timbul pada mereka.

Yang datang itu tidak mengira diri mereka orang UMNO, orang PAS, orang Parti Negara dan lain-lain. Mereka datang sebagai bangsa Melayu untuk mendengarkan ucapan seorang tokoh Melayu yang besar, terkenal dan diketahui mereka kalibarnya menjatuhkan Malayan Union dulu. Jasanya yang akhir disebutkan ini tidak dapat dilupakan oleh orang-orang Melayu begitu saja atau begitu mudah.

Yang menarik minat mereka mendengarkan Datuk Onn berucap banyak. Pertamanya bahasa ucapannya yang mudah mereka faham. Keduanya hujah-hujah yang diberikannya dalam ucapannya itu yang dapat diterima oleh akal mereka dan logik pada fikiran mereka sebagai orang-orang biasa yang tidak berpelajaran tinggi.

Ketiga kebolehan nya memberikan ucapan yang panjang, sampai berjam-jam, tetapi tidak pula membosankan. Keempat pernyataannya yang lantang, tegas dan tak berkulit-kulit dalam ucapannya di mana saja dan bila-bila masa juga.

Keterusterangan Datuk Onn dalam menyatakan pendapatnya sudah lama diketahui ramai, apatah lagi oleh pengikut-pengikutnya. Bila dia menyatakan tak setujunya dengan sesuatu perkara dia akan menyatakannya dengan terus terang sekali.

Hati saya di dalam berkata: "Wah, begitu mudah dan senang, macam menyuap nasi yang sudah terhidang dalam pinggan." Tetapi tidak saya katakan kerana takut menyinggung hatinya.

Waktu saya hendak meninggalkannya, setelah pamitan, dia mempersilakan saya menghadiri kempen pentingya malam itu nanti.

"Saya tidak berani berjanji, Datuk" saya menjawab pelawaannya itu. "Kalau ada masa terluang nanti saya akan datang. Kalau tidak ada tak dapatlah. Selamat berkempen.

Dan malam itu mujurnya saya ada masa terluang. Kempen Partai Rakyat malam itu sekadar kempen kelompok saja yang tidak berapa memerlukan kehadiran saya. Jadi dengan dua tiga orang kawan pergilah saja menjenguk kempen Datuk Onn di kubu kuat UMNO yang dipelawanya saya menghadirinya tadi.

Di tempat berkempen saya berjumpa dengan beberapa orang ahli Parti Negara dan berbual-bual dengan mereka. Datuk Onn berucap hebat sebagaimana yang telah dijanjikannya. Membidas pedas, menghentam geram, menyelar balar, mengganyang garang dan menyebat lumat. Tiada gangguan dan ejekan walaupun tepuk yang bergemuruh juga tidak ada. Mustahil lawan akan memberikan sanjungan. Teputan-tepukan kecil galak juga kedengaran tetapi ini tentu saja datangnya dari orang-orang Parti Negara yang sempat datang dari kawasan luar.

Melihat pada jumlah hadirin yang datang dan menimbang tempat berkempen itu kubu kuat UMNO maka kempen pilihanraya Datuk Onn ini boleh dikatakan berjaya juga. Tiadanya gangguan dan ejekan itu saja suatu kejayaan pada hemat saya.

Setelah selesai saja Datuk Onn memberikan ucapannya yang panjang tetapi menarik majlis kempen tersebut terus diakhiri. Dan dia segera turun dari pentas menuju ke keretanya menempuh orang ramai yang masih belum beredar dengan diikuti oleh beberapa orang pengikut-pengikutnya.

"Sungguh berani dia" saya menyatakan kepada orang Parti Negara yang bersama-sama saya. "Sudahlah dia baru saja memukat di lautan lawan dia lalu pula menempuh kumpulan mereka. Tidak takutkan dia pada kemungkinan dia diserobot waktu berjalan lalu itu?"

"Serobot?" orang Parti Negara itu meningkah dengan pertanyaan. "Cubalah kalau berani. Bung lihat orang-orang yang mengiringinya itu. Bung tahu siapa?"

"Tentulah orang-orang Parti Negara, pengikut-pengikutnya," saya menjawab.

orang-orang yang percaya pada jampi dan serapah, pada ilmu-ilmu sihir Melayu, bahawa orang tua itu ada memakai ilmu "pasu lidah" atau "pasak lidah."

Menurut keterangannya ilmu ini jika digunakan oleh seseorang boleh membuatkan orang atau orang-orang yang menentanginya berat dan ke-lu lidahnya hendak mengeluarkan kata-kata, apatah lagi jika bertujuan membantah dan berhujah dengannya. Tetapi, pada saya, sebabnya hanyalah kerana dalam ucapannya itu penuh fakta dan bukti yang sukar dibohongkan, jadi apalah yang hendak dihujahkan selain dari mendengarkannya saja.

Tetapi keberaniannya memukat di laut lawan, membidas lawan di rumah lawan sendiri itulah yang mengkagumkan saya. Kenapakah dia begitu berani? Tak takutkah dia dipengapa-pengapakan oleh "kaki-tangan-kakitangan" lawannya, seperti diserang dan dipukul oleh mereka? Dia nampaknya tak takut pun, sedikit pun tidak. Datang dan perginya di tengah-tengah khalayak itu biasa saja, baik pada lagak mahupun pada cara jalan dan angguknya.

Saya teringat pada suatu kempen pilihanraya di daerah Batu Pahat, Johor, sebelum Malaya mencapai kemerdekaan penuhnya. Datuk Onn bertanding di suatu kawasan pilihanraya di sini dan calon Partai Rakyat di kawasan yang berhampiran dengannya. Jadi saya terpaksa pergi ke sana berkempen untuk calon Partai Rakyat yang saya pimpin.

Datuk Onn mengadakan pusat gerakan kempennya di Rumah Rehat atau Rest House - Batu Pahat dan di sinilah juga dia tinggal. Suatu hari saya mengambil kesempatan melawatinya di pusat gerakannya ini. Dia sedang sebok bekerja, memberikan arahan-arahan kepada orang-orangnya atau para pekerjanya yang agak ramai juga jumlahnya.

Kami berbual-bual. Dia menyatakan kepada saya yang pada malam nanti dia akan mengadakan kempen di suatu tempat atau kampung yang menjadi kubu kuatnya UMNO, yang masih belum dapat ditembusi oleh Parti Negara.

"Susah berkempen di sana tu, Datuk" saya memberikan pandangan dan pendapat saya.

"Apa pula susahnya" dia meningkah saya. "Serupa saja. Tempat berkempen sudah didapati, segala persiapan menjalankan kempen sudah selesai dan orang-orang yang bekerja mengatur untuk menjayakannya sudah cukup. Tinggal hendak berkempen saja lagi. Nanti saya pergilah ke sana melepaskan meriam saya,"

Nama-nama mereka ini, sama ada yang telah meninggal dunia dan yang masih hidup lagi sekarang, tak perlu rasanya saya senaraikan satu persatu sebab semua orang sudah tahu dan dengan yang demikian tak guna pula "sudah terang bersuluh lagi."

KEGIGIHAN Datuk Onn dalam perjuangan politiknya berakut dari tidak terbiayanya kryasinannya oleh kakalahan dari kakalahan yang berlainannya. Kalau, dia berjuang lagi. Kalau, dia berjuang lagi. Dan dia berjuang itu dalam parti yang sama. Dia bukanlah orangnya yang tidak melompat dari parti ke parti, yang berikuk baling-baling di atas baki, yang dalam ilang yang mengikut hulu ke mana angin bertiup saja. Dia adalah satu kepunyaan yang beringitnya hormat. Walaupun kerjanya politik kami bertentangan seperti bukit dengan bukit namun dipujamati saya tinggi kepatahnya dan seperti seorang lelaki seperti yang menjadi, dia berpaling tidak dari menghadapi musuh, dia dengan Melayu.

Dengan itu perikatan Datuk Onn, menurut pendapat saya, adalah sifatnya tokoh politik yang mengamalkan peribahasa Melayu "Dengan berzau lar kandi jadi guru". Dan akhirnya hasil kerjanya itu menghasilkan buah juga.

Peribadinya yang pertama dalam Melayu yang membuat berlanjutan dalam tahun 1959. Bani telah ada satu minitnya yang sudah dari berlabu dalam tahun 1958 tetapi pada masa itu Melayu dan berlabu itu. Peribadinya Melayu hanya diistiharkan pada 21 Ogos 1959.

Setelah itu saya, Datuk Onn juga memerangi Melayu yang ditentang.

"Saya juga orang Parti Negara tetapi tidak bersama di sana."

"Kalau begitu siapa mereka sebenarnya?"

"Selain dari ahli parti mereka juga orang-orang pilihan yang telah menawarkan diri sebagai pasukan pengawal peribadi Datuk Onn. Mereka siap sedia untuk menjadi galangganti Datuk Onn jika keadaan memaksa."

"Oh, tak heranlah!"

Saya melihat kepada orang yang berjalan mengembari Datuk Onn di depan. Pagan orangnya dan misainya bertaring. Melihat gayanya berjalan dan keadaan rupanya yang gagah saya duga-duga dia tentunya seorang ahli silat, seorang pendekar. Lantas timbulah keinginan mendedak di hati saya hendak mempunyai pengawal peribadi yang demikian itu pula.

Ada sekali, yang saya tahu, "kakitangan-kakitangan" lawan Datuk Onn dapat dan berjaya menyakitkannya tetapi tidak mencederakannya. Kejadian ini berlaku bila Parti Negara mengadakan kempen pilihanraya di padang Kelab Sultan Sulaiman, Kampong Baru. Para pendengar ramai yang hadir, beribu-ribu jumlahnya membanjiri padang.

Waktu Datuk Onn sedang ghairah berucap dan para pendengar demikian pula ghairahnya mendengar maka beberapa orang pemuda Kampong Baru, secara diam-diam dan tak disedari orang, mengambil kesempatan membuang angin ke empat-empat tayar kereta Datuk Onn yang terlindung letaknya.

Saya mendapat tahu hal ini kerana diberitahukan sendiri oleh pemuda-pemuda tersebut bila kemudiannya saya dapat mempengaruhi mereka itu menyokong saya dan Partai Rakyat pimpinan saya. Bahkan pemuda-pemuda inilah yang telah tampil dengan sukarela menjadi pengawal peribadi saya pula pabila saya menghadiri rapat-rapat umum anjuran Partai Rakyat termasuk kempen pilihanraya dan memberikan ucapan di dalamnya.

Satu lagi keistimewaan Datuk Onn sebagai pemimpin ialah kuatnya pegangan pengaruhnya ke atas hati dan jiwa para pengikutnya - tokoh-tokoh dan anggota-anggota biasa Parti Negara. Ini terbukti dari hakikat tidak adanya di kalangan mereka yang lari meninggalkan Parti Negara dan memasuki parti-parti lain, apa lagilah UMNO, selama Datuk Onn masih ada di tengah-tengah mereka.

Bukankah setelah Datuk Onn meninggalkan dunia saja baru ada saja pengikut-pengikut setianya yang berpaling tadah memasuki parti-parti lain terutama UMNO yang berkuasa dan memerintah?

9

KEGIGIHAN Datuk Onn dalam perjuangan politiknya terbukti dari tidak terjejasnya keyakinannya oleh kekalahan demi kekalahan yang dialaminya. Kalah, dia berjuang lagi. Kalah, dia berjuang lagi. Dan dia berjuang itu dalam parti yang sama. Dia bukanlah orangnya yang suka melompat dari parti ke parti, yang bersikap baling-baling di atas bukit atau daun lalang yang mengikut hala ke mana angin bertiup saja.

Inilah salah satu sikapnya yang paling saya hormati. Walaupun keyakinan politik kami bertentangan seperti bukit dengan langit namun penghormatan saya tinggi kepadanya dari kepada seorang rakan seperti yang mudah saja berpaling tadah demi menghadapi cubaan dan dugaan sedikit.

Dengan lain perkataan Datuk Onn, menurut pandangan saya, adalah satu-satunya tokoh politik yang mengamalkan peribahasa Melayu: "Genggam bara api biar sampai jadi arang". Dan akhirnya kegigihannya ini menghasilkan buah juga.

Pilihanraya yang pertama dalam Malaya yang merdeka berlangsung dalam tahun 1959. Benar telah ada satu pilihanraya yang terdulu dari ini iaitu dalam tahun 1955 tetapi pada masa itu Malaya belum merdeka lagi. Kemerdekaan Malaya hanya diisytiharkan pada 31 Ogos 1957.

Sebagaimana saya, Datuk Onn juga memenangi kerusi yang ditan- dinginya.

yang lain-lain. Tetapi Datuk Onn boleh berucap dan selalunya berucap berjam-jam lamanya.

Dan beberapa lama pun dia berucap kepadatannya masih ada, kebenarannya masih terjamin, kejituannya masih kekal, ketajamannya masih menghiris, kelantangannya masih terasa. Menurut pandangan saya Datuk Onn sebagai ADR yang berkali-kali tidak ada taranya baik di kalangan pihak yang memerintah. Semuanya dikebawahkannya belaka.

Hingga sekarang pun saya rasa masih belum ada ADR negara kita yang telah dapat menandinginya apatahlagi mengatasinya. Dia tetap jagoan, pemegang 'record' atau catatan yang masih belum dipecahkan lagi hingga kini.

Kalau ada pun seseorang yang hampir mencapai tarafnya tidak lain, mengikut penilaian saya, dari Dzulkifli Mohammad dari PAS yang menjadi Timbalan kepada Dr. Burhanuddin. Cuma kalahnya sedikit Dzulkifli dari Datuk Onn ialah pada hakikat sementara Datuk Onn boleh berucap dalam bahasa Inggeris sefasih dia berucap dalam bahasa Melayu maka kefasihan Dzulkifli hanyalah dalam bahasa Melayu saja.

Mengikut peraturan Parlimen seseorang ADR tidak dibolehkan membaca ucapannya. Walaupun kebanyakan para menteri tidak mengikut peraturan ini, sebab bagaimanalah mungkin mereka boleh memberikan penjelasan dan penerangan yang memerlukan fakta-fakta dan angka-angka dalam ucapan mereka jika tidak dituliskan dan dibacakan daripadanya, tetapi hal yang demikian biasanya tidak diambil penelitian sangat bahkan dibuat-buat seperti tak dinampak saja. Ini sudah menjadi kebiasaan, sudah seperti tradisi pula, yang harus dipejamkan saja mata terhadapnya.

Sayangnya bila pihak pembangkang yang membuat begitu, membacakan ucapan yang diberinya, ADR-ADR dari parti yang memerintah suka sekali membuat ribut, menarik perhatian Yang Di-Pertuan atau Speaker kepada kesalahan ini dan menahannya daripada diteruskan. Demikianlah selalunya pihak pembangkang saja yang terkena dan bukannya mengena.

Rupa-rupanya Datuk Onn ada menyimpan dendam dalam hubungan ini. Dan berazam hendak mengenakan pihak yang memerintah suatu hari nanti. Hari yang ditunggunya itu akhirnya sampai juga dan dia telah memberitahu kami supaya sentiasa waspada menantikan drama yang akan berlaku dengan dia sebagai pemegang peranan utamanya.

Datuk Onn mendapat giliran berucap membahaskan perkara yang sedang dibahaskan. Dia bangun berucap dalam bahasa Melayu sambil me-

Kalau saya memenangi kerusi Parlimen Kawasan Setapak di Selangor maka dia memenangi kerusi Parlimen Trengganu. Malah dialah satu-satunya calon Parti Negara yang berjaya. Ertinya dialah wakil tunggal Parti Negara dalam parlimen Malaya yang merdeka.

Parti yang berjaya menjadi parti yang memerintah kerana memenangi kerusi yang terbanyak ialah Perikatan UMNO-MCA-MIC. Parti yang terbanyak memenangi kerusi dari barisan pembangkang ialah PAS yang dipimpin oleh Dr. Burhanuddin (sebanyak 13 kerusi kalau saya tak silap), kedua jatuh pada Front Sosialis Rakyat Malaya yang saya pimpin (8 kerusi), ketiga jatuh pada PPP atau Parti Progresif Rakyat yang dipimpin oleh dua berdik D.R. dan A.P. Seenivasagam (4 kerusi) dan yang akhirnya Parti Negara yang dipimpin oleh Datuk Onn (1 kerusi - Datuk Onn sendiri).

Kebiasaannya pendudukan parti-parti pembangkang ditempatkan berdepan dengan parti yang memerintah dan gilirannya ditentukan mengikut jumlah kerusi yang dimenangi oleh masing-masing. Yang pertama banyak di kanan sekali, diikuti oleh yang kedua, ketiga dan seterusnya. Jadinya yang terkanan sekali ialah PAS, diikuti oleh Front Sosialis dan PPP serta (sepatutnya) Parti Negara.

Tetapi entah kenapa dan bagaimana mulanya Datuk Onn (tunggal Parti Negara) ditempatkan di kanan Dr. Burhanuddin (PAS) seolah-olah dia merupakan Ketua Pembangkang yang sepatutnya dipegang oleh Dr. Burhanuddin. Namun demikian tidak ada seorang pun dari kami - baik dari PAS atau Front Sosialis ataupun PP - yang mengemukakan bantahan kerana pelanggaran kebiasaan ini, seolah-olah susunan yang demikian kami terima dan setuju dengan sebulat suara.

Dan memanglah secara tidak rasmi Datuk Onn memainkan peranan Ketua Pembangkang ini. Itulah ketikanya Parlimen Malaya, bila bersidang, paling hidup dan bernyawa, paling meriah dan tak sepi-sepi, paling lincah dan lancang, sebagai yang pernah diakui baru-baru ini oleh En. Khir, ORANG TERTUA dalam Parlimen Malaya dan kemudian Malaysia, yang sekarang menjadi pengerusi dan Ketua Pengarang Harian WATAN, dalam suatu ceramahnya pada para wartawan.

Keseluruhan ADR parti-parti pembangkang diwaktu itu petah-petah dan bijak-bijak belaka bercakap. Pendeknya tidak ada seorang pun yang boleh digelar 'pemanas kerusi' semata. Ambil misalnya D.R. Seenivasagam dari PPP. Bila dia bercakap ucapannya cukup lancar, bidasanya cukup tajam, hujahnya cukup menusuk tetapi paling lama dia berucap hanyalah di antara 45 minit hingga satu jam. Demikian juga

yang terhenti sebentar tadi.

Yang Dipertua atau Speakar Dewan Rakyat ketika itu ialah Tuan Haji Mohammad Noh (sekarang Tan Sri), yang mempunyai hubungan keluarga juga dengan Datuk Onn. Dia sangat menghormati Datuk Onn terutama tentang buah fikirannya dalam politik.

Sebab itu bila Datuk Onn berucap dia akan mendengarkannya dengan penuh teliti, dengan penuh khusyuk. Tidak pernah dia memarahi Datuk Onn kerana membuat ucapan yang panjang dan menyuruhnya supaya memendekkannya.

Malah kalau ada orang, terutama dari pihak parti yang memerintah, sengaja menggangguinya berucap tanpa alasan yang baik orang itulah yang sebaliknya akan dimarahinya dan mengingatkannya supaya jangan cuba mengganggu lagi.

Tengah sedap-sedap dia berucap dalam bahasa Melayu tiba-tiba Datuk Onn menukarkan ucapannya ke dalam bahasa Inggeris pula. Lancarnya, pedasnya sengatnya berucap dalam bahasa Melayu tadi. Sukar hendak memberikan markah yang lebih pada yang satu lagi dan demikian pula sebaliknya.

Kesimpulan saya di sini: Datuk Onn bukan saja seorang penulis dalam dua bahasa yang sama.

Pada suatu persidangan Parlimen yang lain pula seorang ADR dari parti yang memerintah dari Trengganu telah memberikan ucapan yang meleret-leret membanggakan kejayaan partinya memerintah sambil mendakwa bahawa tidak ada parti lain dari pihak pembangkang yang boleh memerintah negara dengan baik dan adil serta memberikan kepuasan dan keselesaan kepada rakyat.

Pendeknya banyaklah lagi kata-katanya yang bersifat "masuk bakul angkat sendiri", mendabek-dabek dada dan menjungkit-jungkitkan ekor sendiri.

Datuk Onn sudah naik meluat mendengarkannya. Ditahankannya saja. Kemudian pemidato lawannya ini melarat pula mendakwakan bahawa untuk kebaikan negeri dan rakyat Trengganu maka Timbalan Menteri Besar segera akan diadakan di negeri tersebut. Datuk Onn sudah tidak sabar lagi.

Peluang yang baik terbuka luas kepadanya. Lantas dia melonjak bangun dari tempat duduknya meminta kepada Tuan Yang Dipertua mengizinkannya memberikan sedikit penjelasan kepada perkara yang baru sebentar ditimbulkan oleh Ahli Berhormat yang bercakap.

"Silakan!" ujar Tuan Yang Dipertua.

megang sehelai kertas di tangannya dan sesekali dia memerhatikan kertas itu seperti membaca daripadanya.

Ucapannya ini terlalu pedas dan tajam terlalu menyindir dan memperkecil-kecilkan, terlalu menguliti dan membukakan tembelang, terlalu mempersenda dan mendengukan orang. Dapat dilihat muka-muka di pihak parti yang memerintah sering naik merah padam oleh bahana kuatnya perasaan marah.

Di suatu ketika bila dia menyelar Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri, Datuk Onn menggunakan kata-kata tamsilan yang kira-kira begini bunyinya: DI DALAM NEGERI DIA MENGAUM SEBAGAI SEEKOR HARIMAU TETAPI DI LUAR NEGERI DIA KELU SEBAGAI SEORANG YANG BISU atau dalam bahasa Inggeris yang digunakannya: IN THE COUNTRY HE ROARS LIKE A TIGER BUT OUTSIDE THE COUNTRY HE IS DUMBED LIKE A MUTE.

Setakat itu dia sudah bercakap lebih satu jam lamanya. Kata-kata tamsilannya tentang Perdana Menteri ini sungguh-sungguh tak dapat menahan marahnya seorang ADR UMNO yang serta merta bangun hendak mengganggu Datuk Onn dan berkata: "Tuan Yang dipertua, Tuan! Atas tajuk tertib Ahli Yang Berhormat itu membacakan ucapannya."

Suatu peraturan Parlimen juga bahawa bila seorang ahli yang sedang bercakap diganggu oleh seorang ahli yang lain maka pihak yang kena ganggu hendaklah berhenti bercakap dan membiarkan gangguan itu dihamburkan. Jadi Datuk Onn terpaksa berhenti bercakap dan mendengarkannya.

Tuan Yang Dipertua menoleh kepadanya sebagai memberikan peluang kepadanya membuat penjelasan.

"Tuan Yang Dipertua" dia lantas menjelaskan "saya tidak membacakan ucapan saya sebagaimana yang dituduhkan melainkan mengucapkannya tanpa naskah. Benar saya ada memegang kertas, Tuan Yang Dipertua, tetapi kertas ini hanya kertas kosong saja, tak ada apa-apa pun tertulis di atasnya. Tak percaya lihatlah!" sambil dia menayangkan kertas tersebut yang memang benar-benar kosong.

Seluruh kami dari pihak pembangkang gelak ketawa kerana kejayaan Datuk Onn mengenakan pihak parti yang memerintah ini.

"Tertib, tertib," Tuan Yang Dipertua memberikan perintahnya. Kami semua terdiam dan kami lihat ADR UMNO yang mengganggu Datuk Onn tadi segera duduk di kerusinya dengan muka yang bera.

"Teruskan!" Tuan Yang Dipertua mengadapkan arahannya pula kepada Datuk Onn dan Datuk Onn pun meneruskan semula ucapannya

10

KALAU dalam buku saya yang berjudul DR. BURHANUDDIN: PUTERA SETIA MELAYU RAYA saya memberikan jolokan Putera Melayu Raya kepada Dr. Burhanuddin maka itu adalah kerana Dr. Burhanuddin patriot bangsa yang merindukan kegemilangan sejarah keagungan bangsa Melayu zaman silam digilap semula dengan melahirkan negara kesatuan Melayu Raya maka gelaran yang wajar saya berikan kepada Datuk Onn, pada hemat saya, tiada yang lebih tepat dari Putera Melayu — Putera Melayu yang terbesar.

Apakah dia alasan-alasan saya mencapai kesimpulan ini? Marilah sekarang saya berikan sebabnya:

Pertama — bukankah Datuk Onn melahirkan UMNO mula-mulanya dulu, mengasaskannya, kerana tujuan hendak menyatupadukan orang-orang Melayu demi kepentingan membela hak-hak mereka?

Kedua — bukankah organisasi politik yang dipimpin oleh Datuk Onn sebelum mengasaskan namanya yang memaparkan juga perkataan MELAYU padanya?

Ketiga — bukankah tujuan utama Datuk Onn menentang Malayan Union kerana hendak menyelamatkan orang-orang Melayu daripada bulat-bulat menjadi anak tanah jajahan Inggeris?

Keempat — bukankah kepada Datuk Onn Malayan Union bertujuan

"Tuan Yang Dipertua" kata Datuk Onn. "Ahli Berhormat itu nampak-nampaknya tidak ada membaca Perlembagaan Negeri Trengganu dan kalau ada pun tidak memahaminya dengan cukup. Tidak ada ketentuan atau "provision", dalam perlembagaan negeri itu yang membolehkan dilantik seorang Timbalan Menteri Besar. Kecuali perlembagaan tersebut dipinda terlebih dulu. Kenapakah beliau harus bercakap atas perkara yang tidak diketahuinya atau yang dia tidak pasti?"

Apa yang dikatakan oleh Datuk Onn ini memang benar. Tuan Yang Dipertua membenarkannya sambil meminta Ahli Berhormat yang bercakap supaya jangan menyentuh perkara itu lagi dalam ucapannya.

Terus terang saya katakan bahawa saya sendiri pun tidak tahu akan kedudukan perkara itu sebelum ditimbulkan oleh Datuk Onn tadi kerana saya sendiri tidak ada menelaah Perlembagaan Negeri Trengganu sebagaimana yang telah dibuatnya.

Pada suatu persidangan Parlimen yang lain lagi kami berusaha pula melanjutkan sidang seberapa lama yang boleh semata-mata untuk menyulitkan pihak parti yang memerintah yang buru-buru saja hendak mengakhiri sidang secepat mungkin.

Maka setiap kami telah meminta untuk berucap dan bila berucap tidak seorang pun mengambil masa berucap kurang dari setengah jam. Yang tokoh-tokohnya di kalangan kami seperti Datuk Onn, Dr. Burhanuddin, Dzulkifli Mohammad, D.R. dan S.P. Seenivasagam, Tan Phock Kim dan ramai lagi berucap ke atas dari satu jam belaka.

Dengan hala yang demikian pihak parti yang memerintah tidak punya jalan lain dari menggunakan kuasa "guillotine" atau kuasa "alat pemancang"-nya dengan mengusulkan supaya perbahasan ditutup saja oleh seorang ADRnya dan disokong oleh seorang ADRnya yang lain pula. Bila undian dijalankan sudah pasti sajalah kami akan kalah suara. Namun demikian gamat juga jadinya persidangan itu.

Tidak salah kalau saya katakan waktu Datuk Onn dan kami duduk dalam Parlimen pertama tahun 1959 dulu para Menteri dan seluruh ADR parti yang memerintah - Perikatan UMNO-MCA-MIC - tak nyenyak tidur, bila Parlimen akan bersidang, memikirkan bagaimana caranya untuk menghadapi gelagat dan gelitik kami dari barisan pembangkang yang selalunya ada-ada saja.

Di sinilah terletaknya kemeriahan, kelincahan dan kepenuhanmayannya yang kami seronoki.

dari pihak pembangkang dan apa pula dari pihak parti yang memerintah.

Sebenarnya di antara kami ADR-ADR pihak pembangkang dengan ADR-ADR pihak parti yang memerintah tidak ada dendam kesumat apa-apa. Kami bertelagah, tuduh-menuduh, bidas membidas dan kadang-kadang tengking menengking hanya di dalam dewan saja. Di luar dewan kami baik dan mesra, Kadang-kadang minum sama-sama, belanja membelanjai, terutama di kantin 'lobby' tadi.

Tiba-tiba seseorang dari Radio Malaya datang, mendapatkan saya yang sedang minum. Saya tahu dia datang dari Radio Malaya kerana dikatakannya begitu. Dia membawa bersama-samanya sebuah alat rakaman pita. Dia duduk di kerusi yang di depan saya. Bila saja ajak dia minum bersama dia menolak dengan penuh hormat.

"Saya ini ada tugas dan sedang bertugas" dia lantas memberitahukan saya.

"Oh begitu" kata saya dan bertanya "Tugas apa?"

"Saya diarahkan untuk menemubual Yang Berhormat" jawabnya cepat.

"Menemubual saya? Untuk apa? Atas tajuk apa?" Saya menubi-nubinya dengan pertanyaan.

"Yang Berhormat sudah dapat tahukah tentang Datuk Onn?"

"Ya, dia uzur dan kerana itu tidak datang menghadiri sidang Parli-men kali ini."

"Bukan itu maksud saya. Tentang itu semua orang sudah tahu."

"Jadi tentang apa lagi yang lainnya? Yang lain dari itu saya tak tahu lah."

"Dan sudah meninggal dunia hari ini. . . pagi ini maksud saya."

"Meninggal dunia?" saya bertanya dengan penuh terperanjat.

"Ya, begitulah khabar yang baru kami di Radio terima".

"Innalillahi wa innailaihi rajiun."

Temubual ini tidak berjalan panjang kerana masa yang diuntukkan pada saya cuma lima minit saja.

Pertama sekali saya ditanyai tentang penerimaan saya terhadap berita keperulungan Datuk Onn itu. Saya menyatakan rasa dukacita dan kesedihan saya yang amat sangat kerana saya merasa negara kehilangan seorang puteranya yang agung, yang berkalibar, seorang anggota Parli-mennya yang cekatan dan seorang tokoh politik yang kebesarannya tersendiri.

hendak menghilangkan, dengan jalan merampas, hak kedaulatan Raja-raja Melayu dengan cara penipuan pula?

Kelima — bukankah cogan pertama UMNO yang diberikan oleh Datuk Onn berbunyi HIDUP MELAYU?

"Memang takdir Ilahi, kehendak Tuhan Yang Maha Esa juga, bahawa setelah tumbang bangun dan tumbang bangun Datuk Onn akhirnya berjaya juga menjadi ADR dan ADR yang julung-julung pula dalam Malaya yang merdeka.

Memang takdir Ilahi, kehendak Tuhan Yang Maha Esa juga, bahawa Datuk Onn harus kembali mengadap Tuhannya semasa dia menjadi ADR bukan sebelum ataupun sesudahnya. Sebelum dan sesudahnya dia adalah rakyat biasa saja seperti rakyat biasa yang lain dan tidak Yang Berhormat. Setidak-tidaknya terubat juga hatinya dalam keadaan yang demikian walaupun, tentunya, tidak ini mercu utama yang menjadi matlamatnya.

Seorang tokoh yang berkelibar besar seperti Datuk Onn boleh dan tak salah rasanya dikatakan dengan jika matlamat utama dari perjuangan politiknya bukan untuk menjadi Perdana Menteri Negara, "primus inter pares" atau "yang pertama dalam yang setaraf" dalam sesebuah negara.

Siapakah manusianya yang berpeluh-peluh memanjat untuk sampai ke pangkal pokok atau ke kaki gunung? Tentu saja orang yang tak siuman fikirannya, sebab orang yang siuman memanjat tentulah untuk sampai ke pucuk pokok atau ke puncak gunung.

Dan tentulah sudah takdir Ilahi dan kehendak Tuhan Yang Maha Esa lagi maka Datuk Onn tidak mencapai pucuk pokok atau puncak gunung yang dimatlamatinya.

Bagaimanapun tercapai setakat yang ada daripada tidak tercapai langsung sebarang apa pun tentu saja lebih dan wajar disyukuri.

Saya ingat benar, pada suatu persidangan Parlimen Datuk Onn tidak hadir. Biasanya dia tak pernah tidak menghadiri Persidangan Parlimen. Ketidakhadirannya ini dikatakan bersebab dari keuzurannya. Tetapi uzur bagaimana? Terukkah atau biasa saja? Tidak pula dijelaskan. Persidangan berjalan terus juga.

Pada suatu hari waktu persidangan Parlimen sedang berjalan saya keluar dari dewan untuk berehat dan minum sedikit. Saya terasa dahaga benar. Jadi pergilah saya ke 'lobby' tempat rehat, berbual-bual dan minum-minum bagi anggota-anggota Parlimen yang sedang menghadiri persidangan. Beberapa orang kawan sedang berada di sana. Ada yang

negara merdeka kita ini. Malaya sudah menjelma jadi Malaysia, Singapura yang dulunya menyertai Malaysia sudah keluar dari Malaysia dan menjadi sebuah republik. . . sebuah negara merdeka tersendiri pula peristiwa berdarah 13 Mei telah berlaku menjadikannya titik hitam dalam sejarah kita sebagai bangsa dan negara yang merdeka dan banyak lagi.

Ramai juga di antara pengikut-pengikut Datuk Onn yang setia di bawah pimpinannya *dulu telah meninggal dunia, mengikutinya dari belakang, berpergian ke tempat dia sudah berpergian bahkan tempat semua insan kelak akan berpergian juga sudahnya.* Ada yang meninggal dunia dalam setia sekalipun menderita. Dan ada yang meninggal dunia dalam kehanyutan setia tetapi setelah puas menikmati megah mewah melimpah rasa.

Dan tentunya masih ada juga yang masih dapat bertahan melanjutkan usia sepanjang-panjangnya. Ada di antaranya yang hidup dalam setia penuh derita, ada di antaranya yang hidup dalam pura-pura terapung di awang-awangan. . . sekejap di kayangan dan sekejap di mayapada nyata dan bukan sedikit pula yang hidup dalam kehanyutan setia untuk bahagia, jaya, perkasa dan seumpamanya.

Yang terbaru sekali ialah bahawa rakan seperjuangannya dalam rencana terangka tak terbina dalam bentuk KERIS (Kekuatan Rakyat Indonesia Semenanjung dulu. . . Ibrahim bin Haji Yaakub, IBHY, Drs. Iskandar Kamel. . . telah pun berlepas untuk menemuinya dan Dr. Burhanuddin bahkan mungkin bertanyakan sebab musabab sepeninggalannya menetap di Jakarta dulu mereka bukan saja tak sekandang tetapi juga tak sebau dan kemudian sebau tetapi tak sekandang pula sedang sepatutnya demi semangat KERIS yang sama-sama dikeramatkan sepatutnya boleh sekaligus sekandang dan sebau juga.

Mungkin juga Ibrahim akan meminta Datuk Onn sebagai pemastautin terdulu memperkenalkannya dengan Dzulkifli Mohammad dan Abdul Rahman Rahim yang mungkin belum pernah dikenalnya atau kalau pernah pun mungkin dia sudah lupa-lupa ingat.

Mungkin Ibrahim akan bertanyakan di mana Tun Razak dan Tun (Dr.) Ismail. Dia tentunya perlu berjumpa dengan kedua-dua mereka. Kepada Tun Razak dia tentu akan menerangkan sebabnya dia tak jadi pulang menetap di Malaya sebagaimana yang pernah dijanjikannya kepada beliau.

'Dan kepada Tun Dr. Ismail dia barangkali ingin hendak menyata-

Kepada pertanyaan tentang apa dia pandangan saya kepada Datuk Onn saya menjawab: "Saya menghormatinya. Dan saya menghormatinya bukan kerana dia dari barisan pembangkang atau kerana dia sealign dengan saya. Tidak.

"Orang tahu bahawa cita-cita politik dan dasar perjuangan saya - berbeza seperti bumi dengan langit. Tetapi saya menghormatinya kerana kesetiaan, keteguhan dan dedikasinya yang tak luntur-luntur kepada cita-cita politik dan dasar perjuangannya ini.

"Orang tidak mungkin berjaya kalau berusaha mempengaruhinya supaya meninggalkan partinya dan melompat masuk kepada parti yang lain dan melompat lagi dan seterusnya. Dia tetap teguh di pendirian asalnya seperti Batu Jabal Tareq. Di sinilah terletak kebesarannya dan inilah yang saya hormati.

"Ahli politik yang sebenarnya, yang tulen, beginilah harus sikapnya, bukan seperti baling-baling di atas bukit kemana angin bertiup ke situ-lah mengadapnya atau seperti daun talang yang condongnya mengikut angin semata.

"Dia sedikitpun tidak menghiraukan penderitaan, kesukaran, kegagalan dan seumpamanya yang harus ditempatnya kerana sikapnya ini. Dia tetap terus berjuang juga walaupun, misalnya, dia terpaksa berenang melawan arus. Bukankah sikap "anak jantan" seperti ini jarang-jarang boleh ditemui. . . seribu payah satu?"

Akhirnya, kepada pertanyaan sama ada saya ada apa-apa kenyataan lain berhubung dengan perkara meninggalnya Datuk Onn itu yang ingin saya berikan saya menyatakan bahawa saya mahu mengambil kesempatan tersebut menyampaikan ucapan takziah saya kepada isteri, anak-anak dan seluruh keluarga Datuk Onn atas kepiluan yang mereka rasakan di saat itu semoga mereka diperbanyak sabar. Dan saya berdoa semoga Allah swt. menerimanya sebagai hambaNYA yang beriman serta mencucuri rahmat ke atas rohnyanya.

Harus saya nyatakan di sini bahawa apa yang telah saya katakan dalam temubual di atas tadi hanyalah sekadar apa yang boleh saya nyatakan atas nama parti saya . . . Partai Rakyat dan Front Sosialis Rakyat Malaya. . . yang saya wakil sebagai sifat saya Ketua Umum dan Pengerusinya dan bukannya sebagai seorang individu, seorang orang perseorangan.

Hingga kini sudah lebih lima belas tahunlah masa berlalu dan dalam masa selama itu sudah banyak perubahan yang telah berlaku ke atas

Menteri dulu beliau menyatakan kepada wakil-wakil akhbar yang menemu-bual beliau bahawa beliau sebenarnya bukannya seorang yang bercita-cita tinggi, pernah memimpikan jadi Perdana Menteri?

(9) Kenapakah sehingga sampai sekarang, setelah kira-kira 28 tahun lamanya, dikira dari tahun 1951 iaitu tahun Datuk meninggalkan UMNO dan mendirikan IMP atau Parti Kemerdekaan Malaya dulu, UMNO masih belum bersedia membukakan pintunya kepada orang-orang bukan Melayu sebagaimana yang Datuk pernah syor dan anjurkan ketika itu?

(10) Akhirnya adakah Datuk fikir Datuk Seri Hussein Onn yang telah berjaya mendaki hingga ke puncak yang lebih tinggi dari Datuk itu boleh melaksanakan dengan jayanya cita-cita Datuk 28 tahun dulu yang disebutkan di atas.

Dr. Burhanuddin senyum-senyum kambing mendengarkan pertanyaan Ibrahim ini, bukan kerana pertanyaan-pertanyaan itu tetapi kerana jumlahnya iaitu 10 buah yang sama banyak dengan prinsip Perlembagaan Rakyat ciptaan PUTERA-AMCJA yang dipimpinya dulu.

Saya tiba-tiba tersentak dari lamunan saya. Rupa-rupanya tadi saya berangan-angan di alam khayal sebelum mengakhiri penulisan siri ini. siri "DATUK ONN YANG SAYA KENALI".

kan penghargaan dan terima kasihnya sebagai salah seorang bekas pejuang kiri atas ucapan Tun (DR) Ismail, hanya beberapa minggu saja sebelum dia datang ke sana, mengakui semua pejuang kiri sebagai pelopor perjuangan kemerdekaan tanahair tetapi malangnya atau ironinya bukan mereka yang menerima dan mengendalikan kemerdekaan itu sebagaimana sepatutnya melainkan orang-orang lain, iaitu yang disampaikannya di khalayak ramai di Pulau Pinang dulu.

Dalam suatu perkampungan semula atau "Get-together" sesama mereka yang disebutkan di atas tadi Ibrahim, sebagai pelopor perjuangan kemerdekaan yang 'primus inter pares' kedudukannya sebagaimana yang telah diakui sendiri oleh Tun (DR) Ismail akan mengemukakan beberapa pertanyaan kepada Datuk Onn.

(1) Bagaimanakah pandangan Datuk atas kejayaan anak dan pengikut Datuk yang paling setia, Datuk Seri Hussein Onn, menjadi Perdana Menteri Malaysia, mencapai puncak dan mercu yang Datuk sendiri tak berjaya mencapainya walaupun hasrat itu ada dan mendalam?

(2) Adakah Datuk telah mengucapkan terima kasih kepada Tun Razak kerana beliaulah yang telah bertanggungjawab memberikan peluang tersebut kepada Datuk Seri Hussein Onn dulu?

(3) Jika ada, adakah Datuk meninjau dulu fikiran Tun (DR) Ismail terhadap pilihan Tun Razak ke atas Datuk Seri Hussein Onn itu sebab bermulanya kerusi Tun (DR) Ismail yang didudukinya sebelum dia pula menduduki kerusi Tun Razak?

(4) Jika jawapan kepada pertanyaan kedua: TIDAK kenapa tidak?

(5) Jika TIDAK menjadi jawapan kepada pertanyaan ketiga kenapa juga tidak?

(6) Adakah pada pendapat Datuk yang Datuk Hussein Onn akan tetap setia kepada cita-cita asal Datuk dan dia, sebagaimana saya dan Dr. Burhanuddin tetap setia hingga kini kepada cita-cita Melayu Raya yang Datuk sendiri maklum?

(7) Mungkinkah, pada pandangan Datuk, kegigihan berjuang, keunggulan cita-cita, kededikasian Datuk tumpah kepada Datuk Seri Hussein Onn, sebagaimana tumpahnya kuah ke nasi, atau mungkinkah dia mengatasi Datuk mengingat bahawa anak dan pengikut setia Datuk itu telah digodok dalam kancah ketenteraan sehingga meningkat jadi Kapten sedang Datuk tidak?

(8) Atau mungkinkah sebaliknya sebab jika saya tak salah ingatan bila Datuk Seri Datuk Hussein Onn mengambil alih saja jawatan Perdana